# BAB KEDUA

## KEDUDUKAN HURUF DALAM AL-QUR'AN

## BAB KEDUA : KEDUDUKAN HURUF-HURUF DALAM AL-QURAN

### FASAL PERTAMA : Bacaan Al-Quran

1. Pembentukan Pembacaan

Ada tiga bentuk pembacaan yang diperakukan dalam bacaan Al-Quran , bentuk pembacaan itu ialah :

i - AL-TILAWAH

ii - AL-TARTIL

iii - AL-QIRAAH

i - AL-TILAWAH

Iaitu membaca dengan sebutan yang betul di samping memikirkan apa makna serta memahami apa yang dibaca itu (59).

ii - AL-TARTIL

Ada beberapa pendapat yang dikemukakan oleh para ulama' mengenai erti perkataan Al tartil dalam bacaan Al Quran di antaranya ialah :

(a) Membaca secara tenang dengan melahirkan segala sebutan makhraj yang tepat di samping mengamati makna kandungan yang tersirat di dalamnya .

(b) Mengelokan sebutan huruf-huruf Al-Quran mengikut lahjah ( pelat ) Arab dengan melambatkan bacaan di samping menjaga Qa'idah wakaf dan Ibtida'.

---

(59) Lihat Mahmood Khalil Al Husairiy- Ma'al Al-Quran Al Karim m.s 21 Keluaran Al Majlis Al A'la Al-shuun Al Islamiah Al Qahirah.

Pada umumnya kedua-dua pendapat tersebut adalah selaras dengan firman Allah pada ayat 4 dalam Surah Al-Muzammil :

وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا

Saidina Ali R.A mentafisrkan tartīl di sini ialah memperelokan sebutan huruf-huruf Al-Qur'an mengikut ketepatan makhraj serta mengetahui tempat wakaf dan Ibtida'. (60)

iii - ALQIRA'AH

Perkataan ALQIRAAH pula bererti sesuatu yang dibaca secara berulang-ulang. (61) Nama ini diberi kerana Al-Qurān suatu kitab suci yang paling banyak sekali dibaca oleh manusia di atas muka bumi ini . Rasulullah telah bersabda :

اقْرَأُوا الْقُرْآنَ بِلُحُونِ الْعَرَبِ وَأَصْوَاتِهَا، وَإِيَّاكُمْ وَلُحُونَ أَهْلِ الْفِسْقِ وَالْكَبَائِرِ، فَإِنَّهُ سَيَجِيءُ مِنْ بَعْدِي يُرَجِّعُونَ الْقُرْآنَ تَرْجِيعَ الْغِنَاءِ وَالرَّهْبَانِيَّةِ وَالنَّوْحِ، لَا يُجَاوِزُ حَنَاجِرَهُمْ مَفْتُونَةٌ قُلُوبُهُمْ وَقُلُوبُ مَنْ يُعْجِبُهُمْ شَأْنُهُمْ

---

(60) Al-Nashr Juzu' 1 m.s 210

(61) Lihat Haji Ishak Abbas: Memahami Tajwid dan Tartīl Al-Qur'ān m.s 14-15.

Ertinya : Bacalah ayat Al-Quran mengikut kebiasaan sebutan orang Arab tulen dan awasilah dari mengikut gaya bacaan orang fasiq dan orang jahat , kerana suatu masa selepas aku nanti ada orang yang membaca Al-Quran seperti lagu-lagu padri dan peratapan tidak melangkau halkum , sedangkan mereka terpedaya dan mereka mengharapkan orang lain merasa kagum dan kagum dan terpesona dengan kebolehan mereka .(62)

Yakni keluarnya huruf yang melalui kerongkong mereka tidak sesuai dengan makhraj huruf .

Lagu fasiq ialah lagu yang bukan dari lagu Arab yang diatur not kaedah muzik yang boleh merasakan bunyi makhraj dan sifat-sifat huruf.

Adapun lagu nyanyian ahli kitab iaitu lagu yang di lakukan seperti orang yang putus asa atau merintih ditimpa bencana , kesannya menyimpang dari ketepatan huruf.

## 2. BILANGAN AYAT DAN SURAH DALAM AL-QURAN.

Jumlah surah Al-Quran ialah sebanyak 114 surah . Para Ulama' bersepakat bahawa bilangan ayat Al-Quran tidak kurang dari enam ribu ayat.

Hanya mereka berbeza pendapat tentang bilangan ratusan selepas angka enam ribu.

---

(62) Riwayat Imam Malik dalam kitabnya Muwatta' Al Manawi: Faid Al Qadir, Juzu' 2 m.s 65.

Ada di antara mereka berpendapat tambahan 204, 214, 219 225, 236 dan 666.

Menurut riwayat dari Ibn ʿAbbās R.A bahawa jumlah ayat Al-Qurʾān ialah 6,616 ayat dan jumlah hurufnya 323 671 huruf Jumlah kata-katanya ialah 77 934 kata tetapi terdapat perhitungan lain yang lain yang berbeza dari perhitungan ini . (63)

Berlaku khilaf tersebut adalah berpunca dari Nabi sendiri menentukan kepala-kepala ayat , bila Nabi tahu Rasul Ayat , baginda meneruskan atau menyambung untuk menyempurnakannya , maka sahabat kiranya bukan Fasilah ( فَاصِلَة ).

Dinamakan fasilah kerana ia memisahkan antara dua kalam dan istilah inilah diambil dari firman Allah S.W.T :

كِتَابٌ فُصِّلَتْ آيَاتُهُ

Maksudnya : Kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya.

Fussilat : ayat 3

---

(63) Lihat Al Sayutiyy , **Al Itqān** Jilid 1 m.s 67

Apabila kita dapati Nabi S.A.W berhenti ( وقف ) pada suatu bacaan , maka dapat memastikan bahawa itu adalah fasilah. Tetapi beliau kadang-kadang menyambungnya ( وصل ) maka wakaf tersebut berkemungkinan untuk memberitahu fasilah atau wakaf sempurna ( وقف تام ) atau untuk istirihat dan wasal itu berkemungkinan bukan fasilah atau fasilah yang disambung kerana ia diketahui sebelumnya.

Kemudian sesetengah Qurrā' membilangnya Al Basmalah satu ayat , sesetengah mereka tidak mengirakannya.

Dan juga berpunca dari beberapa riwayat yang dinukilkan daripada Nabi tentang bacaan Al-Qurān , ini dapat dilihat perbezaan mereka di dalam menukilkan Ilmu Qirāat di dalam beberapa wajah bacaannya. (64)

3. <u>KELEBIHAN MEMBACA AL-QURĀN.</u>

Ada beberapa keterangan atau dalil tentang galakan shara<sup></sup>ᶜ menerangkan kelebihan membaca Al-Quran di antaranya:

1) Firman Allah Taᶜala :

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا
رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّن تَبُورَ لِيُوَفِّيَهُمْ
أُجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ

---

(64) Lihat Al Sayutiyy: <u>Al Itqān</u> , Jilid 1 ( m.s 67 )

rtinya :

Sesungguhnya orang-orang yang membaca Al-Qur'ān dan endirikan sembahyang serta membelanjakan daripada perkara ang dikurniakan kepada mereka secara rahsia dan secara erang , mereka mengharapkan perniagaan yang tidak binasa , gar tuhan menyempurnakan kepada mereka kelebihannya . esungguhnya Allah maha Pengampun lagi Maha Menshukuri.

(Surah Fātir : ayat 20,30)

2) Pada ayat 121 Surah Al-Baqarah , Allah berfirman :

الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَتْلُونَهُ حَقَّ تِلَاوَتِهِ أُولَٰئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِ

Ertinya :

Orang-orang yang menerima kitab Al-Qur'ān mereka membacanya sebenarnya , mereka itulah yang sebenar-benar beriman dengan Al-Qur'ān itu .

3) Dari Usman bin Affan katanya, sabda Rasulullah S.A.W :

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Maksudnya :

Sebaik-baik kamu ialah orang yang belajar Al-Qur'ān dan mengajarnya . Hadis ini diriwayatkan oleh Adilah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim Al Bukhāri.

4) Daripada Aisyah R.A. katanya , sabda Rasulullah S.A.W :

الذى يقرأ القرآن وهو ماهر به مع السفرة الكرام البررة

والذى يقرأ القرآن وهو يتتعتع فيه وهو عليه شاق

له اجران .

Maksudnya :

Orang membaca Al-Quran sedangkan dia mahir dengannya adalah dia bersama-sama utusan-utusan ( penulis-penulis terdiri daripada malaikat yang mulia dan patuh ) dan orang-orang yang membaca Al-Quran sedangkan dia gagap dan sukar , baginya dua pahala . (65)

5) Daripada Abu Musa Al-Ash'aari katanya, sabda Rasulullah S.A.W :

مثل المؤمن الذى يقرأ القرآن مثل الاترجة ريحها

وطعمها طيب ، ومثل المؤمن الذى لا يقرأ القرآن مثل التمرة

لا ريحها وطعمها حلو ، ومثل المنافق الذى يقرأ القرآن

مثل الريحانة ريحها طيب وطعمها مر ، ومثل المنافق

الذى لا يقرأ القرآن مثل الحنظلة ليس لها ريح وطعمها مر .

Maksudnya:

Bandingan mukmin yang membaca Al-Quran seperti buah utrujjah,baunya harum dan rasanya enak. Bandingan mukmin yang tidak membaca Al-Quran s eperti tamar , tidak mempunyai bau dan rasanya elok lagi manis . Bandingan

---

65) Riwayat Imam Bukhari dalam kitabnya <u>Tauhid</u> m.s 52
Riwayat Imam Muslim dalam kitabnya <u>Musafirin</u> m.s 244

orang munafiq yanng membaca Al-Qurān seperti Raihanah (Kemangi) baunya harum dan rasanya pahit dan bandingan orangn munafiq yang tidak membaca Al-Qurān seperti Hanzalah (timun pahit ) tidak berbau dan rasanya pahit. (66)

6) Diriwayatkan oleh Al-Ḥakim bahawa Rasulullah S.A.W bersabda :

ان هذا القرآن ظل الله او النور المبين والشفاء النافع
عصمة لمن تمسك به ونجاة لمن تبعه - اتلوه فانه
يأجركم على تلاوته بكل حرف عشر حسنات اما اني لا اقول
الم حرف ولكن الف حرف ولام حرف وميم حرف
رواه الحاكم المستدرك ١/٢، 555

Ertinya :

Al-Qurān adalah bayangan Allah dan sinar cahaya yang terang benderang , juga penawar yang amat mujarab , menjadi pelindung kepada orang yang berpegang dengannya, malah ia menjadi penyelamat orang-orang yang mengikuti nya . Bacalah Al-Qurān kerana Allah akan membalas pahala terhadap bacaannya dengan nilai tiap-tiap satu huruf 10 kebajikan, sesungguhnya aku tidak mahu kata bahawa Alif, Lam,Mim ( الم ) iaitu satu huruflah Alif ( ا ) satu huruf , Lam ( ل ) satu huruf menakala Mim ( م ) satu huruf yang lain pula .

---

(66) Diriwayat oleh Bukhari (m.s 5020)
Diriwayat oleh Muslim (m.s 798 )

7) Daripada Abu Humamah Al Bāhili R.A. aku mendengar Rasulullah S.A.W bersabda :

اِقْرَؤُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

Ertinya:

Bacalah kamu akan Al-Qur'ān , sesungguhnya dia akan datang pada hari Qiamat sebagai orang yang memanfaatkan tuannya .

(Riwayat Muslim) (67)

4. <u>TATACARA MEMBACA AL-QUR'ĀN.</u>

Membaca Al-Qur'ān tidak sama seperti membaca kitab agama yang lain atau buku , malah dalam membaca Al-Qur'ān ada peraturan tersendiri. Demikian juga dengan mendengar bacaannya .

Tujuan di sebalik aturan tersebut supaya setiap individu muslim yang melakukannya akan mendapat keredaan Allah . Tatacara yang patut diikuti ialah :

1) Tidak membacanya dengan cepat supaya cukup peluang untuk memahami kandungannya.

2) Tidak menggunakan suara yang sumbang atau tidak sesuai seperti telor yang menampakkan olok-olok atau menggunakan alat-alat bunyian

3) Hendaklah membaca doa' pada ayat yang mengandungi maksud doa'.

---

(67) Lihat Sahih AL MUSLIM kitab **<u>Al Musafirin</u>** m.s 302

4) Pada ayat yang mengandungi maksud keampuan hendaklah beristighfār .

5) Apabila bertemu ayat-ayat Rahmat dikehendaki memohon rahmat dari Allah .

6) Membaca doa' seperti yang tersebut di dalam hadis untuk beberapa surah seperti membaca AMIN ( آمين ) selepas membaca Surah Al Fātihah .

7) Membaca ( بلى وانا على ذلك من الشاهدين ) selepas membaca ayat ( أليس الله بأحكم الحاكمين ) Surah Al-Tīn

8) Membaca ( الله ربي ) selepas membaca ayat ( ألست بربكم ) dalam Surah Al-Ahzāb.

9) Hendaklah menjauhi perkara-perkara yang merosakkan bacaan dengan bercakap-cakap , bermain-main , bergelak ketawa dan sebagainya.

## 5. TINGKATAN BACAAN

Tingkatan bacaan Al-Qurān mengandungi empat macam ,

(i) AL-TAHQIQ ( التحقيق )

Iaitu bacaan lembut dan perlahan seperti memanjangkan huruf Mad dengan sempurna harakatnya iaitu 6 harakat . Biasanya bacaan seperti ini khusus bagi orang-orang yang baru belajar membaca Al-Qurān . Bacaan Al-Tahqīq adalah bacaan yang digemari oleh Warash dan Hamzah.

(ii) AL-TARTIL( الترتيل )

Iaitu bacaan lembut tetapi bukan niat untuk belajar , bacaannya bertajwid serta memahami maknanya sesuai dengan Al-Qurān diturun secara tartil.

Firman Allah Ta'ala: وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا

المزمل: 4

Bacaan Tahqīq untuk melatih sebutan huruf ber tepatan dengan makhraj serta mengajar . Sedangkan bacaan Tartīl untuk menumpukan pengertian makna dan tadabburnya.

Setiap bacaan Tahqīq Tartīl dan bukan setiap bacaan Tartil itu bacaan Tahqīq . (68)

(iii) ATTADWIR( التدوير )

Bacaan pertengahan antara bacaan Tartīl dan Hadr dengan memelihara hukum-hukum tajwid . Bacaan seperti ini sangat digemari oleh kebanyakkan ahli Qurrā' di antaranya Ibn Amr dan Al Kisaiyy .

(iv) AL HADR( الحدر )

Bacaan yang cepat tetapi masih dalam keadaan yang terkawal bacaannya dengan bertajwid . Bacaan ini bertentangan dengan bacaan tahqīq .

Bacaan seperti ini digemari oleh Abu ᶜAmr , Qālūn, Abū Jaᶜfar dan Yaᶜkub .

---

(68) Imam Shahabudin , **Latāif Al Ishārāt Li Funun Al Qirāat** Jilid 1 m.s 220 . Tahqiq Dr.Ab Saboor Shahīn.

KESIMPULANNYA

Di antara empat jenis tingkatan bacaan Al-Quran yang telah dihuraikan tadi ialah bacaan tartil paling baik dan sesuai dengan penurunan Al-Quran kepada Nabi S.A.W Dalil nya Rasulullah pernah menegaskan di dalam hadis bermaksud:

" Sesungguhnya Allah suka dibaca Al-Quran sebagaimana yang telah diturunkan."

Imam Al-Ghazali R.A telah berkata :

Sesungguhnya bacaan Al-Quran yang sebenar-benar ialah lidah , akal dan hati sama-sama memainkan peranan yang berkesan ketika mengujarkan ayat-ayat Al-Quran . Lidah berfungsi membaca , 'akal menterjemah dan hati mengambil i'tibar setiap apa yang dibaca. (69)

Sesungguhnya Rasulullah membaca Al-Quran secara tartil, tidak membaca dengan cepat dan gopoh.

Baginda membaca Al-Quran dalam keadaan berdiri , duduk dan berbaring.

Baginda selanjutnya ada membaca Al-Quran dengan cara berlagu.

---

(69) Lihat, 'Amir Said : Tajwid Al-Quran Al Karim , m.s 29

FASAL KEDUA

1) TAKRIF TAJWID

Menurut bahasa Arab ialah memperelokkan . Menurut istilāh : iaitu satu ilmu yang membahaskan mengenai cara membaca ayat suci Al-Qurān Al Karim menurut hukum tertentu, dengan mengucapkan huruf asli dan hak mendatang .

Hak Al Huruf ialah sifat huruf dan makhrajnya yang tidak boleh sama sekali dipisahkan dari huruf tersebut seperti Al Jahr ( الجهر ), Al Hams ( الهمس ).

Hak mendatang seperti Al Tafkhīm , Al Tarqīq serta lain-lain lagi . Dengan erti kata yang mudah Ilmu Tajwid ialah ilmu yang membahaskan kalimat Al-Qurān dari segi menunaikan segala hak pengujaran huruf dan sifat-sifat mendatang . (70)

Syeikh Jalaluddin mendefinisikan Ilmu Tajwid ialah mengucapkan huruf-huruf menurut hak aslinya satu persatu sambil setiap huruf-huruf itu diucapkan menurut ucapan aslinya dan menuturkan secara sempurna bukan secara paksaan. (71)

---

(70) Lihat Ibn Jazariyy : Al-Nashr Fī Al Qirāat Al 'Ashr Jilid 1 m.s 210

(71) Lihat Jalaluddin Al Sayutiyy : Al Itqān Fī Ulūm Al Qurān m.s 100

Pengertian beginilah yang dimaksudkan dalam hadis baginda S.A.W : مَنْ أَحَبَّ انه يَقْرَأ الْقُرْآنَ غَضًّا طَرِيًّا كَمَا أُنْزِلَ فَلْيَقْرَأْ عَلَى قِرَاءَةِ إبنه أُمِّ عَبْدٍ ( يعنى ابنه مَسْعُوْد )

Maksudnya:

Barangsiapa yang hendak membaca Al-Quran secara tepat sebagaimana Al-Quran itu diturunkan maka bacalah Al-Quran itu menurut Abdullah Ibn Mas'ud. (72)

Sesungguhnya Abdullah Ibn Mas'ud adalah seorang sahabat nabi yang mempunyai kelebihan dan keistimewaan daripada sahabat yang lain tentang mentajwidkan Al-Quran.

Pernah terjadi kepada Imam Al Syeikh Taqiudin yang 'arif dalam Ilmu Tajwid ketika ia bersembahyang Subuh lalu ia membaca ayat berikut :

وَتَفَقَّدَ الطَّيْرَ فَقَالَ مَالِى لَا أَرَى الْهُدْهُد

النمل : 20

Beliau mengulang-ulang ayat ini tiba-tiba turun burung hud-hud di atas kepalanya kerana merdu bacaannya. (73)

---

(72) Lihat Ibn Al Jazariyy; <u>Al-Nashr</u> : m.s 212

(73) Lihat Syeikh Shahabuddin ; <u>LATAIF AL ISHARAT</u> Juzu'1 m.s 210-211

Penulis membuat kesimpulan bahawa Ilmu Tajwid ialah satu ilmu yang merangkumi hal-hal berikut :

1.1) Sebutan huruf-huruf dengan tepat.

1.2) Kadar panjang pendek bacaan (Mad).

1.3) Dengung.

1.4) Qalqalah (Suara melekat).

1.5) Ishmām (Membudar dua bibir mulut/membulat mulut ketika membunyikan huruf Marfū' atau berbaris hadapan).

1.6) Dan lain-lain lagi.

Sifat bacaan sedemikian boleh menolong pada menyampaikan kepada makna lafaẓ yang diucapkan iaitu mendapat pahala yang banyak daripada Allah S.W.T.

## 2. HUKUM MEMPELAJARI.

Tajwid adalah wajib bagi sesiapa yang hendak membaca Al-Quran , berpahala bagi mereka yang membaca dengan tajwid dan berdosa mereka yang mengabaikannya kerana penurunan Al-Quran sejajar dengan penurunan Ilmu Tajwid.

Hukum mempelajarinya fardu Kifayah bagi umat islam umumnya dan fardu 'Ain khususnya bagi Ulama'. Sebuah negeri atau daerah akan berdosa jika tiada mereka yang mempelajarinya.Ini sesuai dengan hadis yang diriwayatkan oleh Zaid bin

Thābit di dalam Ṣaḥiḥ Ibn Khuzaimah ( ابن خزيمة ) (74) :

إن الله يحب أن يقرأ القرآن كما أنزل

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah suka hambanya membaca Al-Qurān sebagaimana ia diturunkan.

Dalil naqlinya : وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا

Maksudnya : Bacalah Al-Quran secara tartīl.

Menurut Saidina Ali bin Abū Ṭalib yang dimaksudkan dengan tartil ialah mentajwidkan huruf-huruf dan mengetahui tempat-tempat wakaf dan ibtidā'.

Imam Al Jazariyy berkata pada muqaddimah Ilmu Tajwid yang bermaksud : (74)

Mentajwidkan sesuatu ayat Al-Qurān adalah sesuatu kelaziman bagi sesiapa yang membaca Al-Qurān , tanpa tajwid berdosa hukumnya kerana penurunan Al-Qurān itu beserta tajwid , demikianlah Al-Qurān itu datang dari Allah S.W.T untuk makhluknya.

---

(74) Lihat Ibn Al Jazariyy:Jilid 1 m.s

(75) Lihat Tajwid Al-Quran m.s 24-25.

Menurut riwayat dari Abdullah bin Mas ud yang bermaksud: Perelokanlah kamu membaca Al-Quran dan awasilah dengan sebaik-baik suara dan bacalah mengikut lidah Arab sesungguhnya Al-Quran itu berbahasa Arab , Allah sukakan Al-Quran itu dibaca dengan bahasa Arab . (76)

## 4. KEWAJIPAN MEMBACA AL-QURAN.

Menghayati Ilmu Tajwid dalam pembacaan Al-Quran adalah wajib ke atas setiap individu muslim yang sudah sampai umur baligh, berakal sama ada lelaki atau perempuan dengan itu berdosa ke atas seseorang yang membaca Al-Quran dengan tidak berlandaskan Ilmu Tajwid.

Tujuan besar membaca Al-Quran dengan bertajwid adalah untuk memelihara pambacaannya daripada berlaku sebarang kesilapan sama ada bacaan Jali dan Khafie (Kesilapan nyata dan sembunyi) yang menyimpang dari jalan yang benar kerana tidak dibenarkan sama sekali diubah lafaz-lafaz Al-Quran dan cara sebutan yang asli dalam apa bentuk sekalipun . Allah berfirman di dalam kitabnya : (77)

قُرْآنًا عَرَبِيًّا غَيْرَ ذِي عِوَجٍ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ

Ertinya: Al-Quran adalah berbahasa Arab dan tidak terdapat sebarang bengkang-bengkok padanya semoga mereka berbakti kepada Allah.

---

(76) Lihat Ibn Al Jazariyy, Jilid 1 m.s 210

(77) Surah Az Zumar ayat 28.

Al-Qurān diturunkan sefasih bahasa Arab tulen yang menjadi pilihan Khāliq kepada hambanya . Oleh itu wajib dipelihara tarafnya sebagai Lughah Arab mengikut kaedah bahasa itu dalam segala aspeknya.

Sebaliknya jika perkara itu diabaikan oleh pembaca maka berertilah mereka bukan membaca Al-Qurān dengan sebenarnya.

Sudah menjadi lumrah bahasa sesuatu tindakan atau amalan baik itu jika di lakukan dengan cara yang salah dan tidak betul akan mendatangkan akibat yang buruk.

Rasulullah S.A.W pernah memberi amaran keras kepada pembaca Al-Qurān yang tidak mengikut sistem dan struktur bunyinya yang betul bahawa laknat Allah akan menimpanya.

Sabda Rasulullah S.A.W :

رُبَّ قَارِئٍ الْقُرْآنَ وَالْقُرْآنُ يَلْعَنُهُ

Bermaksud : Hati-hatilah kerana masih ramai orang membaca Al-Qurān sedangkan Al-Qurān yang dibacanya itu mengutuknya. (78)

---

(78) 'Allāmah Almanāwi : <u>Faiḍ Al Qadīr</u> Jilid 4 m.s 25

## 5. BELAJAR MELALUI GURU.

Ilmu pembelajaran membaca Al-Qur'an berbeza dengan ilmu yang lain . Al-Qur'an tidak dibolehkan mempelajarinya melalui Mushhaf ( مُصْحَف ) tanpa mengambil bacaan dari guru-guru 'Murshid' Sanad bacaan mereka tali menali sampai kepada Rasulullah S.A.W.

Di dalam Al-Qur'an Al-Karim, banyak kalimat yang berlainan dengan penulisannya seperti ( الٓمٓ ) atau الٓر , طسٓمٓ dan seumpamanya , jadi setiap umat tidak dapat tidak mestilah mempelajarinya secara 'Talaqqi' dan Mushafahah dengan guru yang mahir di dalam bidangnya. Tujuannya untuk mencapai mencapai tahap bacaan Al-Quran secara sebutan hurufnya dengan tepat ( مَخْرَج ) atau sifatnya.

Menurut Ibn Al-Jazariyy yang dinamakan MUQRIE ( مُقْرِئ ) iaitu mereka yang mengetahui ilmu Al-Qur'an secara Mushafahah yakni pengambilan dari mulut ke mulut.

Rasulullah S.A.W yang terkenal dengan kefaşihan lidahnya telah mengambil bacaan melalui Jibril A.S. Setiap setahun sekali istimewanya pula di tahun akhir hayatnya , baginda menyemak dua kali kepada Jibril.

Di sana ada dua cara pengambilan dari guru. (79)

1. Cara ( مُتَقَدِّمِين ، عَرْض ) : Iaitu guru membaca dan murid hanya mendengar sahaja.
2. Cara Talqin ( تَلْقِين ) : Iaitu murid membaca di hadapan guru manakala guru hanya menyemak sahaja.

---

(79) Lihat Haq Al Tilawah m.s 28.

Se eloknya dihimpunkan kedua-dua cara sekali jika suasana membenarkan sesuai dengan masa dan tempat , kerana menurut pendapat ulama cara ini lebih berkesan dan berpotensi bagi melatih lidah membiasakan penyebutan huruf-huruf dengan tepat mengikut makhraj dan sifatnya.

Di sini penulis memperturunkan beberapa istilah yang wujud dalam pengajian Ilmu Tajwid dan Ilmu Al Qiraat.

i ) Al-Qiraat( القِرَاآت )

Ialah bacaan Imam Qiraat yang sanadnya sampai kepada Rasulullah S.A.W.

ii) Al-Riwayah( الرِّوَايَة )

Ialah bacaan yang diambil dari Imam Qiraat,mereka yang mengambil disebut RAWI

iii) Al Tariq( الطَّرِيق )

Ialah bacaan yang diambil dari RAWI , mereka yang mengambil disebut AL TARIQ . Sebagai contoh:

1. Qiraat Asim dari riwayat Hafas dari Tariq Amir.
2. Qiraat Nafi dari riwayat Qalun dari Tariq Abi Nashit.
3. Qiraat Abu Amr dari riwayat Al Duri dari Tariq Abu Al Za'ra'.

iv) Al-Muqri ( المُقْرِئ )

Ilmu Ilmuan Qiraat dia menerimanya secara 'Mushafahah' dan diijazah kepadanya untuk mengajari orang lain.

v ) Al-Qārī' ( القارئ )

Ialah mereka yang benar-benar hafaz Al-Qur'ān, terdapat tiga kategorinya :

a) Al Mubtadi' ( المبتدئ )

Iaitu mereka yang arif satu riwayat hingga tiga riwayat . Misalnya riwayat Hafas,Qalun dan Warash.

b) Al Mutawassit ( المتوسط )

Iaitu mereka yang arif atau riwayat hingga empat atau lima riwayat.

c) Al Muntahi ( المنتهى )

Iaitu mereka yang benar-benar arif semua Qirā'āt Al-Qur'ān.

## FASAL KETIGA: MAKHRAJ HURUF

### 1. TAKHRIF MAKHRAJ.

Perkataan makhraj mempunyai erti tempat keluar. Dalam konteks ilmu tajwid bermaksud ialah tempat keluar bagi huruf-huruf perbezaan antara satu huruf dengan yang lain .

Huruf ( حروف ) dari kata jama' dari kalimat Ḥarfun ( حرف ) bererti bunyi bahasa yang dihasilkan dengan menghambat aliran udara pada salah satu saluran di atas glotis. (80)

---

(80) Lihat Kamus Linguistik ,91 (Harimuti Kridaklaksana.)

adalah mempunyai tidak lebih daripada 29 bunyi bahasa sebagaimana yang telah dipersetujui oleh para sarjana bahasa di Baṣrah kecuali Al Mubrid yang mengirakan alif itu juga hamzah, jadi huruf itu berjumlah 28 sahaja. (82)

Oleh kerana Al-Qur'ān digambarkan oleh Allah dalam bahasa ʿArab dan huruf yang terpakai dalam bahasa Arab itu ada sebanyak 28 atau 29 maka dengan itu huruf Al-Qur'ān mempunyai jumlah yang sama sepertinya.

Bunyi-bunyi Al-Qur'ān itu dilambangkan dengan huruf-huruf seperti berikut :-

---

(82) Lihat Sirāj Al Qārī m.s 403

# TULISAN HURUF HIJAIYAH BAHASA ARAB

Nama-nama huruf hijaiyah (abjad) Bahasa Arab dan kedudukan tulisannya di permulaan, pertengahan dan hujung perkataan serta transliterasinya.

| Trs | Nama Huruf | Hujung | Pertengahan | Permulaan | Bil |
|---|---|---|---|---|---|
| a | alif أَلِفٌ ، ا | ـا | ـا | ا | 1 |
| b | ba' بَاءٌ ، ب | ـب | ـبـ | بـ | 2 |
| t | ta' تَاءٌ ، ت | ـت | ـتـ | تـ | 3 |
| th | tha' ثَاءٌ ، ث | ـث | ـثـ | ثـ | 4 |
| j | jim جِيْمٌ ، ج | ـج | ـجـ | جـ | 5 |
| h | ha' حَاءٌ ، ح | ـح | ـحـ | حـ | 6 |
| kh | kha' خَاءٌ ، خ | ـخ | ـخـ | خـ | 7 |
| d | dal دَالٌ ، د | ـد | ـد | د | 8 |
| z | zal ذَالٌ ، ذ | ـذ | ـذ | ذ | 9 |
| r | ra' رَاءٌ ، ر | ـر | ـر | ر | 10 |
| z | zay زَايٌ ، ز | ـز | ـز | ز | 11 |
| s | sin سِيْنٌ ، س | ـس | ـسـ | سـ | 12 |
| sy | syin شِيْنٌ ، ش | ـش | ـشـ | شـ | 13 |
| s | sad صَادٌ ، ص | ـص | ـصـ | صـ | 14 |
| d | dad ضَادٌ ، ض | ـض | ـضـ | ضـ | 15 |
| t | ta' طَاءٌ ، ط | ـط | ـطـ | طـ | 16 |
| z | za' ظَاءٌ ، ظ | ـظ | ـظـ | ظـ | 17 |
| ' | 'ain عَيْنٌ ، ع | ـع | ـعـ | عـ | 18 |
| gh | ghain غَيْنٌ ، غ | ـغ | ـغـ | غـ | 19 |
| f | fa' فَاءٌ ، ف | ـف | ـفـ | فـ | 20 |
| q | qaf قَافٌ ، ق | ـق | ـقـ | قـ | 21 |
| k | kaf كَافٌ ، ك | ـك | ـكـ | كـ | 22 |
| l | lam لاَمٌ ، ل | ـل | ـلـ | لـ | 23 |
| m | mim مِيْمٌ ، م | ـم | ـمـ | مـ | 24 |
| n | nun نُوْنٌ ، ن | ـن | ـنـ | نـ | 25 |
| h | ha' هَاءٌ ، ه | ـه | ـهـ | هـ | 26 |
| w.u | wau وَاوٌ ، و | ـو | ـو | و | 27 |
| ' | hamzah هَمْزَةٌ ، ء | ء | ـئـ | ء | 28 |
| y . i | ya' يَاءٌ ، ي | ـي | ـيـ | يـ | 29 |

# TANDA-TANDA BACAAN BAHASA ARAB DALAM AL-QUR'AN RASM 'UTHMANI

Di dalam Bahasa Arab terdapat tiga jenis baris tanda bacaan pendek sebagai tanda bacaan vokal, tiga jenis tanda bacaan panjang dan dua jenis tanda bacaan diftong.

Baris-baris tanda bacaan pendek vokal itu disebut baris di atas ( فَتْحَة ) ـَـ , baris di bawah ( كَسْرَة ) ـِـ dan baris di hadapan ( ضَمَّة ) ـُـ .

Contoh-contoh baris di atas:

كَ " ka ", تَ " ta ", بَ " ba ", كَتَبَ " kataba ".

جَ " ja ", لَ " la ", سَ " sa ", جَلَسَ " jalasa ".

Contoh-contoh baris di bawah:

فِ " fi ", هِ " hi ", مِ " mi ", فَهِمَ " fahima ".

شِ " syi ", رِ " ri ", بِ " bi ", شَرِبَ " syariba".

Contoh-contoh baris di hadapan:

حُ " hu ", سُ " su ", نُ " nu ", حَسُنَ " hasuna ".

كُ " ku ", بُ " bu ", رُ " ru ", كَبُرَ " kabura ".

Adapun tanda-tanda bacaan panjang pula ialah: Huruf alif ( ا ) yang didahului oleh huruf berbaris di atas, huruf ya' ( ي ) yang didahului oleh huruf berbaris di bawah, dan huruf wau ( و ) yang didahului oleh huruf berbaris di hadapan. Ketiga-tiga huruf ini juga dinamakan huruf Mad. Dalam Al-Qur'an Rasm 'Uthmani ketiga-tiga huruf ini tidak diberi tanda sukun (mati) di atasnya untuk menunjukkan ia adalah huruf Mad. Contoh:

خَا " kha ", رَا " ra ", جَا " ja ", خَارَجَ " kharaja ".

بِي " bi ", صِي " si ", رِي " ri ", بَصِيرٌ " basirun ".

تُو " tu ", رُو " ru ", كُو " ku ", تَرَكُوا " taraku ".

Di dalam Bahasa Arab terdapat dua jenis tanda bacaan diftong, iaitu: Huruf ya' ( يْ ) dan wau ( وْ ) bertanda sukun yang didahului oleh huruf berbaris di atas. Kedua-dua huruf ini juga dinamakan huruf Lin. Dalam Al-Qur'an Rasm 'Uthmani kedua-dua huruf ini mesti diberi tanda sukun di atasnya untuk menunjukkan ia adalah huruf Lin (Lunak). Contoh:

خَيْرٌ " khairun ", دَيْنٌ " dainun ", رَيْبٌ " raibun ".

خَوْفٌ " khaufun ", قَوْمٌ " qaumun ", حَوْلٌ " haulun ".

**Baris Dua (Tanwin)**

Di samping baris-baris di atas terdapat di dalam Bahasa Arab tanda baris dua sama ada baris dua di atas ـً ـً , baris dua di bawah ـٍ ـٍ dan baris dua di hadapan ـٌ ـٌ .

Sebutan bagi kalimah-kalimah yang berakhir dengan baris dua adalah sama dengan sebutan bagi kalimah yang berakhir dengan huruf Nun Sukun ( نْ ). Contoh:

بَابًا ( بَابَنْ ) " baban ", بَابٍ ( بَابِنْ ) " babin ", بَابٌ ( بَابُنْ ) " babun ".

**Tanda Sukun ( ْ )**

Tanda ini terletak di atas mana-mana huruf untuk menunjukkan huruf yang berkenaan bertanda sukun (mati). Bunyi bacaannya adalah ringan setengah harakat, ia adalah bunyi asal pada huruf, tidak dapat bergerak melainkan apabila ia diberi tanda bacaan vokal, maka hiduplah bunyi asalnya dengan tanda bacaan vokal yang berkenaan. Contoh:

بْ " b ", diberi tanda bacaan vokal baris di atas بَ dibaca " ba ".

تْ " t ", diberi tanda bacaan vokal baris di bawah تِ dibaca " ti ".

سْ " s ", diberi tanda bacaan vokal baris di hadapan سُ dibaca " su".

Peringatan : Dalam Bahasa Arab biasanya menggunakan tanda bulat kecil ( ْ ) sebagai tanda sukunnya, tetapi dalam Al-Qur'an Rasm 'Uthmani menggunakan tanda ini ( ۡ ) sebagai tanda sukunnya. Tanda bulat kecil ( ْ ) ini dalam Al-Qur'an Rasm 'Uthmani mempunyai fungsi yang lain. Sila rujuk bahagian Istilah Tanda Bacaan Al-Qur'an Rasm 'Uthmani dalam buku ini..

**Tanda Tasydid ( ّ )**

Di dalam Bahasa Arab huruf-huruf ganda tidak ditulis dua kali tetapi ditandakan dengan tanda tasydid, syaddah atau sabdu ( ّ ). Ia juga dinamakan bacaan Idgham.

Contoh:

مَرَّ " marra " asalnya مَرَرَ , اَلرَّبُّ " ar-rabbu " asalnya اَلْرَبْبُ .

# BUNYI-BUNYI ASAS BAGI SETIAP HURUF HIJAIYAH BAHASA ARAB

Huruf hijaiyah Bahasa Arab mengandungi 29 huruf[1], semuanya adalah konsonan. Setiap huruf konsonan ini mempunyai 12 bunyi asas, berdasarkan hanya terdapat 12 jenis tanda bacaan asas (kecuali tanda sabdu) dalam Bahasa Arab. Jadi jumlah bunyi asas bagi semua huruf konsonan (28 huruf) adalah sebanyak 336 bunyi.

| Huruf Lunak (Diftong) | | Tanwin | | | Berbaris Serta Huruf Mad | | | Berbaris (Harakah) | | | Bertanda Sukun | Nama Huruf | Bil. |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| أَيْ | أَوْ | ءٌ | ءٍ | اً | أُو | إِي | آ | أُ ءُ ؤُ | إِ ئِ ءِ | أَ ءَ ئَ | أْ ءْ ؤْ | هَمْزَةٌ (ء) | 1 |
| بَيْ | بَوْ | بٌ | بٍ | بًا | بُو | بِي | بَا | بُ | بِ | بَ | بْ | بَاءٌ (ب) | 2 |
| تَيْ | تَوْ | تٌ | تٍ | تًا | تُو | تِي | تَا | تُ | تِ | تَ | تْ | تَاءٌ (ت) | 3 |
| ثَيْ | ثَوْ | ثٌ | ثٍ | ثًا | ثُو | ثِي | ثَا | ثُ | ثِ | ثَ | ثْ | ثَاءٌ (ث) | 4 |
| جَيْ | جَوْ | جٌ | جٍ | جًا | جُو | جِي | جَا | جُ | جِ | جَ | جْ | جِيمٌ (ج) | 5 |
| حَيْ | حَوْ | حٌ | حٍ | حًا | حُو | حِي | حَا | حُ | حِ | حَ | حْ | حَاءٌ (ح) | 6 |
| خَيْ | خَوْ | خٌ | خٍ | خًا | خُو | خِي | خَا | خُ | خِ | خَ | خْ | خَاءٌ (خ) | 7 |
| دَيْ | دَوْ | دٌ | دٍ | دًا | دُو | دِي | دَا | دُ | دِ | دَ | دْ | دَالٌ (د) | 8 |
| ذَيْ | ذَوْ | ذٌ | ذٍ | ذًا | ذُو | ذِي | ذَا | ذُ | ذِ | ذَ | ذْ | ذَالٌ (ذ) | 9 |
| رَيْ | رَوْ | رٌ | رٍ | رًا | رُو | رِي | رَا | رُ | رِ | رَ | رْ | رَاءٌ (ر) | 10 |
| زَيْ | زَوْ | زٌ | زٍ | زًا | زُو | زِي | زَا | زُ | زِ | زَ | زْ | زَايٌ (ز) | 11 |
| سَيْ | سَوْ | سٌ | سٍ | سًا | سُو | سِي | سَا | سُ | سِ | سَ | سْ | سِينٌ (س) | 12 |
| شَيْ | شَوْ | شٌ | شٍ | شًا | شُو | شِي | شَا | شُ | شِ | شَ | شْ | شِينٌ (ش) | 13 |

1. Semua huruf menerima tanda bacaan (baris dan tanda sukun) kecuali huruf alif ( ا ) tidak menerima tanda bacaan (baris dan tanda sukun). Ia adalah huruf Mad apabila tidak terdapat apa-apa tanda bacaan di atasnya dan sentiasa berada di belakang huruf. Huruf alif yang diberi tanda bacaan adalah huruf hamzah dan huruf alif sebagai kerusi atau tongkat untuk huruf hamzah.

| Huruf Lunak (Diftong) | | Tanwin | | | Berbaris Serta Huruf Mad | | | Berbaris (Harakah) | | | Bertanda Sukun | Nama Huruf | Bil. |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| صَيْ | صَوْ | صٌ | صٍ | صًا | صُو | صِي | صَا | صُ | صِ | صَ | صْ | صَادْ (ص) | 14 |
| ضَيْ | ضَوْ | ضٌ | ضٍ | ضًا | ضُو | ضِي | ضَا | ضُ | ضِ | ضَ | ضْ | ضَادْ (ض) | 15 |
| طَيْ | طَوْ | طٌ | طٍ | طًا | طُو | طِي | طَا | طُ | طِ | طَ | طْ | طَاءْ (ط) | 16 |
| ظَيْ | ظَوْ | ظٌ | ظٍ | ظًا | ظُو | ظِي | ظَا | ظُ | ظِ | ظَ | ظْ | ظَاءْ (ظ) | 17 |
| عَيْ | عَوْ | عٌ | عٍ | عًا | عُو | عِي | عَا | عُ | عِ | عَ | عْ | عَيْنْ (ع) | 18 |
| غَيْ | غَوْ | غٌ | غٍ | غًا | غُو | غِي | غَا | غُ | غِ | غَ | غْ | غَيْنْ (غ) | 19 |
| فَيْ | فَوْ | فٌ | فٍ | فًا | فُو | فِي | فَا | فُ | فِ | فَ | فْ | فَاءْ (ف) | 20 |
| قَيْ | قَوْ | قٌ | قٍ | قًا | قُو | قِي | قَا | قُ | قِ | قَ | قْ | قَافْ (ق) | 21 |
| كَيْ | كَوْ | كٌ | كٍ | كًا | كُو | كِي | كَا | كُ | كِ | كَ | كْ | كَافْ (ك) | 22 |
| لَيْ | لَوْ | لٌ | لٍ | لاً | لُو | لِي | لاَ | لُ | لِ | لَ | لْ | لاَمْ (ل) | 23 |
| مَيْ | مَوْ | مٌ | مٍ | مًا | مُو | مِي | مَا | مُ | مِ | مَ | مْ | مِيمْ (م) | 24 |
| نَيْ | نَوْ | نٌ | نٍ | نًا | نُو | نِي | نَا | نُ | نِ | نَ | نْ | نُونْ (ن) | 25 |
| هَيْ | هَوْ | هٌ | هٍ | هًا | هُو | هِي | هَا | هُ | هِ | هَ | هْ | هَاءْ (ه) | 26 |
| وَيْ | وَوْ | وٌ | وٍ | وًا | وُو | وِي | وَا | وُ | وِ | وَ | وْ | وَاوْ (و) | 27 |
| يَيْ | يَوْ | يٌ | يٍ | يًا | يُو | يِي | يَا | يُ | يِ | يَ | يْ | يَاءْ (ي) | 28 |

Dan jika ditambahkan dengan huruf-huruf Mad iaitu Alif, Ya dan Wau اليف، ياء، واو yang ketiga-tiganya mati dalam bentuk berikut : Alif yang didahului oleh baris di atas , Ya' didahului oleh baris di bawah dan Wau didahului oleh baris di hadapan maka berjumlah 31 bunyi semuanya.

Bunyi bahasa Al-Quran itu terjadi dalam beberapa proses tertentu yang pada dasarnya adalah seperti berikut :-

1) Udara dari paru-paru bergerak melalui saluran angin di leher atau halkum .
2) Dari halkum udara itu bergerak hingga ke rongga tekak melalui lubang tali suara ( غضروب ).
3) Kemudian dari rongga tekak ia terus ke rongga mulut atau rongga hidung kedua-duanya dinamakan bilik suara .
4) Akhirnya ia keluar ke dalam ruang udara biasa lalu mengeluarkan suara atau bunyi bahasa.



### 1.4 Sumber Suara.

Kelahiran suara bergantung kepada tiga faktor utama yang berikut:

(a) Paru-paru, sebagai punca tenaga.

(b) Alat getaran, sebagai tali suara.

(c) Rongga, sebagai bilik suara.

Bahasa menggunakan bunyi suara , daripada bunyi itulah pula diterbitkan lambang-lambang bunyi yang berlainan yang boleh digambarkan di atas kertas dan lain seperti lukisan dan isyarat . (83)

## 2. ORGAN SEBUTAN.

### 2.1 PENGENALAN

Manusia mempunyai kebolehan yang luar biasa sekali dalam mengeluarkan bunyi ujaran yang berbeza bagi tiap-tiap satu kedudukan yang berbeza pula. Untuk mengeluarkan bunyi, manusia berkehendakkan udara. Paru-paru menjadi alat penyedut dan penghembus udara . Udara dari paru-paru itu melalui saluran udara , masuk ke rongga terus ke rongga tekak , dan kemudiannya memasuki rongga hidung ataupun memasuki rongga mulut lalu keluar . Pada masa udara dalam perjalanan keluar itu , alat-alat khas dalam dan mulut membuat gerakan tertentu bagi mengatakan bunyi ujaran. Alat-alat khas inii dinamakan alat pembentuk bunyi ujaran.

---

(83) Lihat Abdullah Hasan : Rencana Linguistik . Halaman 3.

Mengikut Ilmu Pengkaji bunyi pertuturan bahasa (Phonestics) adalah bertumpu panjang pendek, keras lembut, tekanan , intonasi dan irama bagi bunyi dalam sesua'tu bahasa. Bagaimanapun pembahagian yang besar dapat dipecah kan kepada 3 iaitu :

(1) Kajian dari segi alat-alat yang menghasilkan bunyi.

(2) Kajian dari segi pendengaran bunyi yang dikeluarkan dari mulut.

(3) Kajian dari segi sifat bunyi.

Pertama kali sukacita penulis menghuraikan alat-alat pembentukan ujaran yang terlibat dalam pengucapan huruf-huruf Al-Quran,itu dapat dipisahkan keapada tujuh bahagian penting iaitu :

( i ) Bahagian bibir : iaitu dipecahkan kepada :

(a) Bibir mulut atas

(b) Bibir mulut bawah

(ii) Bahagian gigi : iaitu dipecahkan kepada :

(a) Gigi gunting atas ( ثنايا ) iaitu gigi hadapan mengandungi 4 batang.

(b) Gigi gunting bawah , mengandungi 4 batang juga kedudukan lokasinya bertentangan dengan yang atas

(c) Gigi taring iaitu gigi yang mengiringi gigi gunting , sebatang di kiri dan sebatang di kanan.

(d) Gigi geraham iaitu yang mengiringi gigi taring .

(iii) Bahagian lelangit iaitu dapat dipecahkan kepada :

(a) Gusi .

(b) lelangit keras sebelah atas dari gusi .

(c) Lelangit lembut iaitu sebelah ke dalam daripada lelangit keras.

(d) Anak lidah (anak tekak)

Anak lidah ini terletak di hujung lelangit lembut. Apabila seseorang itu makan anak lidah menutup jalan ke rongga paru-paru supaya makanan tidak masuk ke dalam paru-paru tempat pernafasan.

(iv) Bahagian lidah mengandungi 4 bahagian yang besar:

(a) Tepi hujung lidah.

(b) hujung lidah.

(c) Daun lidah (tengah lidah)

(d) Pangkal lidah (belakang lidah) .

(v) Bahagian rongga tekak termasuknya:

(a) Hujung rongga tekak.

(b) Tengah rongga tekak.

(c) Pangkal rongga tekak (ke bawah sekali).

(d) Dinding rongg tekak.

(vi) Bahagian rongga hidung.

i) Bahagian tenggorak dipecahkan kepada :

(a) Pangkal tenggorok di mana terletaknya selaput suara renggang suara dan penutup angin.

(b) Batang tenggorok (Saluran angin).Batang tenggorok inilah pembawa udara daripada paru - paru keluar untuk membentuk bunyi-bunyi suara.

ALAT UCAPAN



1. Bibir mulut
2. Gigi
3. Gusi gigi
4. Langit-langit keras
5. Langit-langit lembut
6. Anak lidah(Anak Tekak)
7. Hujung lidah
8. Tengah lidah
9. Pangkal lidah
10. Epiglotis
11. Saluran makan
12. Rongga mulut
13. Dengung
14. Rongga kerongkong
15. Biji halkum (buku leher)
16. Pita suara
17. Saluran nafas

Adapun 'selaput suara' itu ialah sepasang selaput lendir di atas dan satu di bawah, yang di bawah inilah yang di kan sebagai selaput suara sejati . Seterusnya " renggang a" (glotis) ini pula ialah renggang antara dua selaput ebut. Renggang inilah menentukan keadaan-keadaan bunyi .

Bagi kaum lelaki selaput suara mereka selalunya panjang sebab itulah suara mereka besar . Sebaliknya kaum perempuan selaput suara mereka pendek sebab itulah suara mereka halus. Selanjutnya jika renggang suara itu terbuka sedikit dan udara dari paru-paru dapat melaluinya , maka bergetarlah selaput suara dan kedengaran bunyi yang dinamakan suara . Apabila selaput itu terbuka , udara boleh keluar dengan cepat maka selaput itu tidak akan bergetar, seterusnya apabila ia sangat rapat maka udara dari paru-paru tidak boleh keluar langsung dan jika dilepaskan udara itu maka akan kedengaranlah bunyi seperti orang yang batuk.




1. Tertutup kecil
2. Tertutup
3. Terbuka luas

Pita suara yang nipis ini bergetar apabila mendapat tekanan dari udara yang keluar dari paru-paru untuk menerbitkan bunyi suara.

Mengikut pengkaji Ilmu Fonetik (Phonetics) , bahawa pita suara bergetar 110 kali sesaat dalam suara lelaki atau dua kali ganda itu dalam suara wanita . Sebaliknya kalau aliran udara itu dihisap masuk bunyi yang dihasilkan itu garuk dan bunyi yang demikian jaranbg terdapat dalam bahasa-bahasa .

Kalau pita suara itu dirapatkan dan tekanan udara dari -u-paru dilepaskan dengan serta merta terjadilah bunyi tupan pita suara.

Apabila peti suara direnggangkan menjadi separuh terbuka <a tekanan dari paru-paru akan dapat menggetar pita suara rsebut . Keadaan pita suara yang beginilah penting dalam nghasilkan bunyi. Bunyi itu dikatakan bersuara kalau pita ara bergetar, dan tidak bersuara kalau pita suara ini tidak rgetar.

Kalau pita suara tersebut dalam keadaan 75% terbuka maka barang tekanan udara dari paru-paru menyebabkan pita suara dak bergetar . Bunyi yang dihasilkan itu akan berupa sikan . (84)



Pita suara tertutup

---

34) Lihat Abdullah : **Linguistik Am.** Halaman 48.




Pita suara terbuka



Pita suara di sempitkan berbisik

Perhatian: Batang kerongkong iaitu saluran makanan tiuak npunyai peranan langsung di dalam ujaran manusia.

Organ sebutan ( ujaran ) itu dapatlah dipisahkan kepada a bahagian besar :

) Alat-alat yang tidak bergerak atau tidak boleh digerakkan

) Alat-alat yang boleh digerakkan seperti bibir , mulut , lidah, anak lidah, lelangit lembujt dan pita suara.

Seterusnya bunyi-bunyi Al-Quran itu terbahagi kepada dua bahágian:

i ) Bunyi-bunyi yang dikeluarkan oleh dasar-dasar ucapan ( مخرج ) Muhaqqaq ( محقق ) iaitu makhraj-makhraj yang dapat dirasa atau disentuh dengan jelas seperti bunyi-bunyi yang dikeluarkan oleh dua bibir mulut, lidah, gusi, gigi dan tekak ( حلق ).

ii) Bunyi-bunyi yang dikeluarkan oleh dasar-dasar ucapan muqaddar ( مقدر ) iaitu makhraj-makhrajnya yang tidak dapat dikesan dengan jelas seperti bunyi-bunyi huruf dari saluran angin dan rongga tekak , iaitu huruf-huruf Mad dan Mad Liin dikala dimadkan ( keterangannya akan di paparkan nanti).

# ORGAN PENYEBUTAN




KEDUDUKAN DAERAH ARTIKULASI (MAKHRAJ) HURUF - HURUF DI DALAM BAHASA ARAB.

## MAKHRAJ HURUF-HURUF ARAB

1 - ء - pita suara

2 - ه - rongga tekak dalam.

3 - ح ، ع - rongga tekak tengah

4 - خ ، غ - rongga tekak atas

5 - و - antara pangkal lidah+ lelagit lembut

6 - ق - pangkal lidah + lelangit

7 - ك - depan pangkal lidah + lelangit

8 - ي ش ج - tengah lidah + lelangit

9 - ض - tepi lidah + geraham kanan/kiri

10 - ر ل ن - depan lidah + gusi atas

11 - ت ، د ، ط - hujung lidah + pangkal gigi atas

12 - ث ، ذ ، ظ - hujung lidah + hujung gigi atas

13 - س ، ز ، ص - hujung lidah + gigi bawah

14 - ف - bibir bawah + hujung gigi atas

15 - م ، ب - antara dua bibir

16 - ن - rongga hidung

* Pengujian sebutan sesuatu huruf boleh dibuat dengan mematikan huruf berkenaan dan meletak di hadapannya huruf alif yang berbaris di atas . Misalnya .

## DASAR-DASAR PENGUCAPAN.

Setiap huruf-huruf Al-Qurān yang diucapkan itu ada.ah mpunyai tempat-tempat keluar ( مخرج ) atau dasar-dasar ng tersendiri yang mesti diucapkan dengan tepat pada daerah wasannya . Sarjana-sarjana bahasa berselisih faham dalam nentukan bahagian-bahagian tempat keluar ( مخرج ) yang pat bagi sebahagian kecil huruf-huruf Arab yang berjumlah atau 29 itu . Perselisihan itu boleh dibahagikan kepada 3 zhab yang mashhur . (85)

i ) Mengikut Mazhab Al-Khalīl serta kebanyak'.an ulama'- Qirāat dan ahli-ahli Nahu termasuknya Ibn Al Jazariyymemutuskan bahawa: Tempat keluar huruf Al-Qurān adalah sebanyak 17 dasar ucapan , AL JAUF ( الجوف ) satu makhraj , AL HALQ ( الحلق ) 3 huruf , Lidah 10 huruf , dua bibir mulut,dua huruf dan rongga hidung satu huruf.

ii) Sibawīh serta mereka yang sealiran dengannya termasuk lah Imam Shatibiyymenyatakan makhraj itu 16 sahaja , kerana tidak dikira makhraj ( جوف ).

ii) Seterusnya Al Farā' ,Qutrub قُطْرُب dan Al Jarmi الجَرْمِى mengatakan makhraj-makhraj tersebut 14 sahaja tidak termasuk makhraj AL JAUF ( الجوف ) dan menjadikan Lam, Nun dan Ra' adalah satu makhraj.

---

5) Lihatlah Muhammad Ṣā'diq Al Qamhārī, *Al Burhān Fī Tajwīd Al-Qurān* . Halaman 23

Pendapat jumhur , sebenarnya mengandungi 17 makhraj , pendapat inilah yang akan diterangkan dalam bentuk lima bahagian utama seperti dibawah ini :

(a) Bahagian rongga mulut dan rongga tekak ( الجوف )

(b) Rongga tekak ( الحلق )

(c) Bahagian lidah ( اللسان )

(d) Bahagian bibir mulut ( الشفتان )

(e) Bahagian hidung ( الخيشوم )

**Rajah Daerah Makhraj Huruf**




**Jadual Makhraj Huruf**

| Bil | Kawasan | Jumlah Makhraj | Jumlah Huruf | Bunyi Huruf |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Rongga mulut & Tekak | 1 | - | Mad (Alif/Wau/Ya' |
| 2 | Rongga Tekak | 3 | 6 | Huruf-huruf Halkum |
| 3 | Lidah | 10 | 18 | Baki 18 huruf |
| 4 | Bibir | 2 | 4 | Huruf-huruf bibir |
| 5 | Hidung | 1 | - | Sengau,dengung. |
| | Jumlah | 17 | 28 | |

Untuk gambaran yang lebih dekat tentamg kawasan makhraj (dasar ucapan) itu dapat diperhatikan penjelasan berikut:

1) BAHAGIAN RONGGA MULUT DAN RONGGA TEKAK ( الجوف )

Mengandungi tiga huruf iaitu segala huruf alif ( ا ), Wau ( و ) dan Ya' ( ي ) yang dikenali juga dengan huruf-huruf Mad.

a) Alif mati yang sebelumnya berbaris di atas, contohnya :

حِيَامُ

b) Wau mati yang sebelumnya berbaris dihadapan, contohnya :

فَاسِقُوْنَ

c) Ya' mati yang sebelumnya berbaris di bawah , contohnya :

أَجْمَعِيْنَ

Contoh ketiga-tiganya terdapat pada satu perkatan yang berbunyi نُوْحِيْهَا NU-HI-HA.

Untuk mengenali huruf Mad antara lain berkeadaan :

i) Di kala menyabutnya udara tidak tersekat.

ii) Tidak terdapat tanda-tanda pergeseran pada masa menyebutnya

Sebaliknya huruf-huruf lain , di kala menyebutnya eransur menerima sekatan serta pergeseran.

RAJAH LOKASI LIDAH KETIKA MENGUJARKAN BUNYI HURUF MAD




وضع اللسان عند نطق (ا) مدية

وضع اللسان عند نطق (ي) مدية

وضع اللسان عند نطق (و) مدية

## 2. BAHAGIAN TEKAK ( الحلق )

Huruf yang keluar dari daerah ini dipecahkan kepada 3 bahagian :

i ) Di pangkal rongga tekak (pangkal halkum) 2 huruf sahaja yang keluar daripadanya iaitu Hamzah ( ء ) dan Ha'( ه )

ii ) Tengah rongga tekak 2 huruf yang keluar daripadanya ialah Ain dan Ḥa ( ع ، ح )

iii ) Hujung rongga tekak ada dua huruf iaitu Ghain dan Kha ( خ غ )

### JADUAL MAKHRAJ HALKUM

| Bil | Makhraj | Bil.Huruf | Huruf | Contoh Al-Quran |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Pangkal Halkum | 2 | Hamzah | أَأَنْذَرْتَهُمْ ، إِنَّمَا |
| | | | Ha | هٰؤُلَآءِ ، شَهِيقًا |
| 2 | Tengah Halkum | 2 | Ain | عَلَيْهِمْ ، أَعْمَالَهُمْ |
| | | | Ḥa | أَحَدٌ ، لَاحَوْلَ |
| 3 | Hujung Halkum | 2 | Ghain | غَفَّارٌ ، مَغْضُوبِ |
| | | | Kha | خَاشِعَةٌ ، يَخْلُقُ |

### GAMBAR LOKASI MAKHRAJ HALKUM




i. Pangkal Halkum

ii. Tengah Halkum

iii. Hujung Halkum

3. **Bahagian Lidah** ( لِسَانْ )

Bahagian ini terdapat 10 dasar ucapan

1) Pangkali lidah ( أَقْصَى اللِّسَانِ )

Satu huruf sahaja iaitu Qaaf ( قْ ) terjadinya apabila pangkal lidah diangkat ke lelangit lembut( حنك أعلى )

2) Pangkal Lidah ( Rendah sedikit )

Hurufnya ialah Kaaf ( كْ ) cara pengujaran ialah lidah diangkat mengena lelangit lembut. (86)

3) Tengah Lidah ( وَسَطُ اللِّسَانِ )

Apabila daun lidah diangkat ke lelangit keras , hurufnya : JIM ( ج ), SHIN ( ش ) dan YA' ( يَ ) berbaris.

4) Tepi daun lidah ( إِحْدَى حَافَةِ اللِّسَانِ )

Hurufnya ialah Dood ( ض ) cara pengucapannya apabila hujung daun lidah diangkat kegeraham atas.

5) Hujung lidah diangkat ke gusi atas . Hurufnya Laam ( لْ )

6) Hujung lidah terangkat sedikit dari makhraj LAM , hurufnya NUN ( نْ )

7) Tepi hujung lidah dekat makhraj Nun , hurufnya Ra ( رَ ).

---

86) قْ dan كْ kedua-duanya daripada pangkal lidah cuma كْ lebih kehadapan sedikit dan kedua-duanya keluar antara pangkal lidah dengan lelangit lembut.

8) Hujung lidah apabila diangkat ke pangkal gigi atas, hurufnya Ta ( ت ), To ( ط ), Dal ( د ). Bunyi Ṭa ( ط ) lebih ke dalam dari huruf Dal ( د ), manakala bunyi Dal ( د ) lebih ke dalam dari Ta ( ت ).

9) Hujung lidah bertemu dengan hujung gigi bawah. Hurufnya ṢAAD ( ص ), SIIN ( س ) dan ZAI ( ز ) mempunyai getaran. Bunyi SAAD lebih ke dalam daripada bunyi SIIN dan SIIN pula lebih ke dalam daripada ZAI, sedangkan huruf ZAI adalah dihujung lidah sekali.

10) Hujung lidah bertemu dengan hujung gigi atas hurufnya : ẒA ( ظ ), THA ( ث ), dan DHAL ( ذ ). Huruf Ẓa lebih ke dalam daripada THA ( ث ), bunyi THA ( ث ) lebih ke dalam dari huruf DHAL ( ذ ), manakala bunyi DHAL ( ذ ) lebih ke tepi hujung lidah.

JADUAL MENUNJUKKAN RINGKASAN LOKASI HURUF-HURUF MAKHRAJ LIDAH

| BIL | MAKHRAJ BAHAGIAN LIDAH | BIL.HURUF | HURUF | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Pangkal Lidah | 1 | ق | | |
| 2 | Pangkal Lidah Tengah | 1 | ك | | |
| 3 | Tengah Lidah | 3 | ج | ش | ي |
| 4 | Daun Lidah | 1 | ض | | |
| 5 | Hujung Lidah | 1 | ل | | |
| 6 | Hujung Lidah Tepi | 1 | ن | | |
| 7 | Hujung Lidah Dgn. Gusi | 1 | ر | | |
| 8 | Hujung Lidah Dgn. Pangkal Gigi | 3 | ط | ت | د |
| 9 | Hujung Lidah Dgn. Tengah Gigi | 3 | ص | س | ز |
| 10 | Hujung Lidah Dgn. Hujung Gigi | 3 | ظ | ث | ذ |

4. <u>BAHAGIAN</u> <u>BIBIR</u> <u>MULUT</u> ( شَفَتَان )

Huruf-huruf yang keluar dari daerah ini dipecahkan kepada 2 bahagian iaitu :

1) Bibir mulut di sebelah dalam menyentuh gigi gunting atas , hurufnya Fa' ( ف ).

2) Antara dua bibir mulut. Huruf yang keluar dari daerah ini dipecahkan kepada dua bahagian iaitu :

a) Huruf Wau ( و ) keadaan keluarnya membundar dua bibir mulut iaitu dua bibirnya terbuka sedikit. Pendapat terbaru mengatakan makhraj Wau bukan di bibir mulut tetapi di antara pangkal lidah dengan lelangit lembut ★. Pendapat ini penulis tidak mendapat pengesahan dari ulama'-ulama' tajwid dari kajian mereka.

b) Huruf Mim ( م ) dan Ba' ( ب ) keadaannya keluar dengan merapatkan dua bibir.

★ Lihat, Dr Kamal Ibrahim, Ilm al-Lughah al-Mubarmaj, m.s. 121 Riyad 1988



( و )

Bentuk dua bibir mulut ketika menyebut ( وْ ) Wau tidak panjang.



( ب )

Dua bibir mulut ketika menyebut Ba ( ب ).



( م )

Dua bibir mulut ketika menyebut Mim ( م ).



( ف )

Keadaan dua bibir mulut ketika menyebut Fa' ( ف ).

CATITAN:

(1) Bunyi huruf Fa' ( ف ) adalah sama seperti bunyi F

(2) Bunyi huruf Mim ( م ) disebut dengan bertutup mulut.

(3) Bunyi huruf Ba' ( ب ) disebut dengan secara sekadar bersentuh dua bibir mulut sahaja , berbeza menyebut huruf B dalam bahasa Melayu.

Perbezaan antara keduanya kerana angin akan keluar melalui hidung semasa menyebut Mim ( م ).

## JADUAL MAKHRAJ DUA BIBIR MULUT

| Bil | Makhraj | Bil Huruf | Huruf | Contoh Al-Quran |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Bibir bawah sebelah dalam dgn. gigi atas | 1 | Fa' | فِي أَنْفُسِكُمْ |
| 2 | Antara dua bibir mulut. | | Wau | وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ |
| | | | Mim | إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ |
| | | | Bā' | رَبِّ الْعَالَمِينَ |

5. <u>BAHAGIAN HIDUNG</u> ( الخيشوم )

AL-KHASHŪM yang sebenarnya bukanlah tempat keluar huruf , hanya kerana dengung itu ada hubungannya dengan huruf,maka ia disebutkan juga sebagai 'Makhraj' .

Harus diketahui, bahawa semua huruf tidak boleh dikeluarka melalui hidung , seperti orang yang "senggau".

Tidak ada makhraj khusus bagi hidung , cuma Mim ( م ) dan Nun ( ن ) anginnya keluar melalui hidung di samping makhraj Mim ( م ) di bibir mulut dan Nun ( ن ) di hujung lidah . Tanwin pula serupa dengan Nun mati .

Tempatnya dipangkal hidung , bunyinya dengung ( sengau ) atau ghunnah ( غُنَّة ), huruf yang terlibat dari lokasi itu ialah :-

i) Nun Sakinah (mati) dan Tanwin ( نْ ـًـٍـٌ ) ketika Idgham ( إِدْغَام ) dan Ikhfa' ( إِخْفَاء ).

ii) Mim ( م ) dan Nun ( ن ) bertashdid ~ seperti AMMA ( أَمَّا ) dan INNA ( إِنَّ ) , LAMMA ( لَمَّا ), MIMMA ( مِمَّا ) AMMA ( عَمَّ ) , MANNA ( مَنَّا ) , MINNA ( مِنَّا ), AINNA ( إِنَّ ) , JANNATUN ( جَنَّةٌ ) , KUNNA ( كُنَّا ) dan seumpamanya

Bunyi-bunyi sengau atau Ghunnah terjadi dengan cara membuka lelangit lembut bagi menyalurkan udara ke dalam hidung .

| Makhraj | Bil.Huruf | Huruf |
|---|---|---|
| BAHAGIAN HIDUNG | 2 | Nun Mati/ نْ<br>Tanwin/ ـًـٍـٌ<br>Nun/Mim bertashdid نّ مّ |

## Cara Mengesan Dasar Ucapan

Setiap huruf Al-Qurān mempunyai bunyi-bunyi tersendiri. Untuk mempastikan ketepatan bunyi huruf-huruf caranya ialah dengan mematikannya atau mentashdidkannya sesudah didahului Hamzah Wasal pada awalnya . Tempat berakhirnya suara atau bunyi huruf-huruf yang sudah dimatikan tadi akan membuahkan ketepatan suara atau bunyi , itulah dipanggil dasar ucapan pertuturan bagi setiap Huruf ( مخرج ). Contohnya:

| Hamzah Wasal | Huruf | Dibaca | Makhraj |
|---|---|---|---|
| A ( أ ) | Ta/ أَتْ | AT | Di hujung Lidah |
| A ( أ ) | Kha/ أَخْ | AKH | di Halkum |
| A ( أ ) | Dal/ أَدْ | AD | Hujung Lidah |
| A ( أ ) | Mim/ أَمْ | AM | Bibir mulut |
| A ( أ ) | Nun/ أَنْ | AN | Sengau |
| A ( أ ) | Fa/ أَفْ | AF | Bibir mulut |

Menggunakan cara tashdid huruf-huruf berkenaan dengan didahulu oleh Hamzah Wasal adalah jelas dan nyata makhraj nya daripada Taskin ( تَسْلِيْن ) mematikannya. (87)

---

(87) Lihat Sirāj Al-Qāri m.s 404
Lihat Haq Al-Tilāwah m.s 202

5) <u>Lingkungan Dasar Ucapan</u>

Makhraj ialah tempat keluar sesuatu huruf yang mana mempunyai lingkungan atau kawasan yang tercetusnya sesuatu huruf , ini dapatlah dikelasifikasiklan kepada 10 macam lingkungan iaitu:

(1) Lingkungan Rongga ( اَلْجَوْفِيَّةُ ) ALJAUFIAH iaitu huruf-huruf Mad yang tiga alif ( ا ), Wau ( و ) dan Ya' ( ى ) kerana huruf-huruf ini keluarnya daripada rongga tekak membawa ke mulut.

(2) Lingkungan Rongga tekak ( اَلْحَلْقِيَّةُ ) ALHALQIYYAH iaitu huruf-huruf halkum yang enam( أَغْ خَعَهُ )Agh hinkha'ahu Hamzah ( ء ) Ḥaa ( ح ) 'Ain ( ع ) , Haa( ه ), Ghain( غ ), Kha ( خ ).

(3) Lingkungan anak lidah ( اَللَّهْوِيَّةُ ) ALLAHWIYYAH iaitu huruf Qaaf ( ق ) dan Kaaf ( ك ).

(4) Lingkungan daun lidah ( اَلشَّجْرِيَّةُ ) AL SHAJRIYYAH iaitu huruf-huruf Jim( ج ),Shin( ش ) dan Ya'( ي ) hidup (bukan Mad).

(5) Lingkungan hujung lidah ( اَلْأَسَلِيَّةُ ) AL ASALIYYAH iaitu huruf Ṣaad( ص ), Zai( ز ) dan Siin( س ).

(6) Lingkungan lelangit keras ( اَلنِّطْعِيَّةُ )AL NITʿIYYAH iaitu huruf Ṭa ( ط ), Dal ( د ) dan Ta ( ت ).

(7) Lingkungan hujung tepi lidah (اَلذَّلْقِيَّةُ) AL ZALQIYYAH iaitu huruf Lam ( ل ), Nun ( ن ) dan Ra'( ر ).

(8) Lingkungan gusi ( اَللِّثَوِيَّةُ ) AL LATHWIYYAH iaitu huruf Za ( ظ ), Dhal ( ذ ) dan Tha ( ث ).

(10) Lingkungan bibir mulut ( الشَّفَوِيَّة ) AL SAFAWIYYAH iaitu huruf-huruf Fa ( ف ), Wau ( و ), Ba ( ب ) dan Mim ( م ).

## LOKASI KELUAR HURUF AL-QURAN




مقطع في الفم والبلعوم تتبين فيه ألقاب الحروف بالنسبة لمخارجها

## FASAL KEEMPAT: BEBERAPA ISTILAH HUKUM-HUKUM TILAWAH AL-QURAN

### (1) SIFAT-SIFAT HURUF

Jumhur Ulama' Qiraat Al-Quran telah mengkategorikan sifat-sifat huruf kepada dua bahagian yang besar.

(a) Sifat-sifat dasar ( صفات الحروف الذاتية او الأصلية )

Iaitu sifat yang wujud pada setiap huruf yang tidak mungkin dipisahkan dalam mana-mana keadaan.

(b) Sifat-sifat penyesuaian ( صفات الحروف العرضية او العارضة )

Iaitu huruf-huruf yang berpindah atau disesuaikan dengan sifat yang lain kerana adanya pertemuan dengan huruf yang tertentu dikala Idghām, Ikhfa' , Iqlāb dan sebagainya.

Bilangan sifat sifat asli atau ( dasar ) di da'am tilawah Al-Quran ada tujuh belas sifat. Semuanya dapatlah dipisahkan kepada dua bahagian, iaitu:

a) Dari jumlah tersebut 10 daripadanya sifat berlawanan .

b) 7 sifat yang bakinya tidak berlawanan.

### 1.1 SIFAT-SIFAT YANG BERLAWANAN

Sifat-sifat ini terbahagi kepada lima kumpulan , dengan erti kata lain sifatnya berpasangan ada 10 nama khususnya nama itu dikumpulkan ke dealam Lima Kategori seperti dalam rajah yang berikut:

(I) Sifat-sifat Yang Berlawanan

| Kategori | Sifat Pertama | Sifat Kedua | Kata Gabungan |
|---|---|---|---|
| Pertama | Jahr | Hams | جهمس |
| Kedua | Syiddah | Rakhawah | سخاوة |
| Ketiga | Isti$^{c}$la$^{>}$ | Istifal | استفال |
| Keempat | Itbāq | Infitah | اطفتاح |
| Kelima | Izlāq | Ismat | اذمات |

(II) Sifat-sifat Tunggal

| Bil | Sifat-Sifat | Ertinya |
|---|---|---|
| 1 | Ṣafīr | Suara Burung Unggas |
| 2 | Qalqlah | Suara melekat, mendetak |
| 3 | Līn | Suara Sengau |
| 4 | Inhirāf | Suara Lidah Senget |
| 5 | Tafasysyī | Suara Bersembur angin |
| 6 | Takrīr | Suara bergetar Lidah |
| 7 | Istiṭālah | Suara kembangatau lamjut |

(1) <u>Sifat-sifat berlawanan dan huraiannya</u>

1.1 JAHR ( جهر ) ertinya suara menempik iaitu bunyi huruf-huruf kuat ketika mengujarkannya , nafas tersekat disebabkan kuatnya pegangan huruf itu pada makhrajnya , mengandungi 19 hurufnya terhimpun di dalam bait: ظَلَّ قَوْرُ بَضٍّ اِذْ غَزَا جُنْدٌ مُطِيْعٌ

1.2 HAMS ( هَمْس ) ertinya suara mendesas iaitu bunyi hurufnya lemah , ketika mengujarkannya , nafas berlari tidak tersekat disebabkan lemah pegangan huruf-huruf kepada makhrajnya.

Semasa mengujarkan hurufnya jalan udara disempitkan, apabila huruf itu dimatikan , maka hendaklah dinyatakan sifatnya dengan sedikit bunyi seperti pada perkataan Ta ( تْ ) . IHTAZZAT WARABAT : ( اِهْتَزَّتْ وَرَبَتْ ) mengandungi 10 huruf terhimpun di dalam bait: سَكَتَ فَحَثَّهُ شَخْصٌ

2.1 SHIDDAH ( شِدَّة ) ertinya suara mengemas keras atau bersangatan dikala menutur hurufnya suara tertahan disebabkan kemas pegangannya pada makharajnya , dengan erti kata lain terhimpit jalan angin keluar ketika menyebutnya. Hurufnya ada lapan terkumpul di dalam bait : أَجِدُكَ تُطَبِّقُ

atau أَجِدُ قَطٍّ بَكَتْ

2.2 RAKHAWAH ( رَخَاوَة ) ertinya suara lembut semasa menyebut hurufnya disebabkan longgar pegangannya pada makhrajnya. Hurufnya ada 16 iaitu: خُذْ غَثَّ حَظٍّ فَضٍّ شَوْصٍ زَيَّ سَاءٍ

Perbezaan bunyi jahr dengan Shiddah ialah :

(a) Jahr : Tertahan nafas ketika mengujarkan hurufnya.

(b) Shiddah : Tertahan suara ketika menyebut hurufnya.

2.3 TAWASSUT ( تَوَسُّط ) ertinya pertengahan ( إعْتِدَال ) bunyi ketika menyebut hurufnya di antara bunyi Shiddah dan Rakahwah , hurufnya ada lima terkandung di dalam perkataan

atau .

Contohnya:

| Bil | Huruf | Contoh Al-Quran |
|---|---|---|
| 1 | Lam | تَعْلَمُوْن |
| 2 | Nun | أَنْتُمْ |
| 3 | 'Ain | مَالَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْم |
| 4 | Ra | مِدْرَارًا |
| 5 | Mim | أَلَمْ نَجْعَلْ لَهُ |

3.1 ISTI<sup></sup>LA' ( إسْتِعْلَاء, ) ertinya suara meninggi , lidah memainkan peranan yang penting dalam pengujaran hurufnya . Kedudukan lidah meninggi , terangkat kelelangit , hurufnya ada tujuh sahaja terkandung dalam rangkaikata:(88)

---

8) Di antara huruf-huruf Istila' yang paling meninggi huruf QAAF( ق ) kerana daerah pengujarannya di pangkal lidah.

| Bil | Huruf | Contoh | Bil | Huruf | Contoh |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | KHA' | لَا تَخَفْ | 5 | TĀ | شَطَطًا |
| 2 | SAD' | مِرْصَادًا | 6 | QAF | اِقْرَأْ |
| 3 | DA' | ضِعْف | 7 | Z.A' | ظَاهِرًا |
| 4 | GHAIN | مَغْضُوب | | | |

3.2 ISTIFĀL ( اِسْتِفَال ) ertinya suara merendah : kebanyakkan hurufnya ketika diucapkan lidah tidak terangkat ke lelangit, malah ia merendah ke dasar tengah mulut. ( قَاعُ الْفَمِ ) Hurufnya ada 22 terkandung dalam bait (89)

| Bil | Huruf | Contoh | Bil | Huruf | Contoh |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | ث | ثلاثة | 12 | ي | يحزنون |
| 2 | ب | ابناؤنا | 13 | ر | رفيقا |
| 3 | ت | تبلونه | 14 | ف | فرقانا |
| 4 | ع | يعلمون | 15 | ه | لهوا |
| 5 | ز | ازواجا | 16 | س | يسئلون |
| 6 | م | حالم | 17 | ل | اليما |
| 7 | ن | سلم | 18 | ذ | واذا |
| 8 | ي | ليس | 19 | ش | شهيدا |
| 9 | ج | جحيم | 20 | ك | كافرين |
| 10 | و | وكالوا | 21 | ا | آتينا |
| 11 | د | فدعو | 22 | ء | أقلم |

(89) Huruf-huruf Istifāl ketika tilawah dinipiskan kecuali huruf LĀM ( ل ) dan RĀ'( ر ) . Kerana kedua huruf itu menyerupai huruf-huruf Isti'la yang mana mempunyai hukum tersendiri dalam bab AHKAM ARRĀ' WALLĀM kemudian nanti.

4.1 IṬBAQ ( إطباق ) ertinya mendempik iaitu tengah lidah terangkat ke lelangit keras atau rapat apabila menyebutnya hurufnya ada 4 : Ṣood ( ص ), Ḍood( ض ) , TA ( ط ) dan ZA ( ظ ).

Contohnya:(90)

| Bil | Huruf | Contoh |
|---|---|---|
| 1 | ص | رب اشرح لي صدري |
| 2 | ض | واضرب لهم مثلا |
| 3 | ط | طاغوت |
| 4 | ظ | ظالمون |

4.1 INFITAAH ( إنفتاح ) ertinya membuka , dikala membacanya udara berlari kerana terbuka tengah lidah , dengan erti kata lain membunyikan hurufnya tanpa menutupkan atau merapatkan lidah kelelangit. Hurufnya ada 25 terkumpul di dalam bait : Hurufnya diujarkan dengan keadaan renggang lidah ke lelangit satu nafas boleh lalu ketika menyebutnya.(91)

مَنْ أَخَذَ وَجَدَ سَعَةً فَزَكَا حَقٌّ لَهُ شُرْبُ غَيْثٍ

---

90) Huruf ṬA ( ط ) paling kuat daripada kumpulannya, huruf ZA( ظ ) paling lemah daripada kumpulannya . Huruf Ḍood ( ض ) dan Ṣood( ص ) sifatnya sederhana.

91) Sifat Infitaḥ lebih umum daripada Istifal, kerana setiap Istifal itu bersifat Infitaḥ melainkan huruf ق / خ / غ bersifat Infitaḥ tetap bukan bersifat Istifal.

5.1 IZLAQ( الإزلاق ) ertinya meluncur, membunyikan huruf dengan cepat dan ringan , sebahagian bunyi huruf keluar daripada makhraj hujung lidah dan sebahagian lagi daripada dua bibir mulut. Hurufnya ada 6 dalam bentuk bait:(92) فِرَّ مِنْ لُبِّ

| Bil | Huruf | Contoh |
|---|---|---|
| 1 | ف | إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ |
| 2 | ر | وَقَالَ فِرْعَوْنُ |
| 3 | م | مُؤْمِنِينَ |
| 4 | ن | نَسْتَعِينُ |
| 5 | ل | لَا إِلَٰهَ إِلَّا اللّٰهُ |
| 6 | ب | أَفَبِهَٰذَا الْحَدِيثِ |

Oleh itu setiap kalimat asal empat atau lima huruf jika tiada huruf Muzlaqah maka kalimat kalimat itu tidak dikira asal dari kalimat bahasa Arab. Seperti kalimat عَسْجَدٌ

5.2 IṢMAT ( إِصْمَات ) ertinya melekat iaitu huruf-huruf nya sukar diujarkan ddengan ringan dan cepat. Huruf nya 23 iaitu :

ا ء ت ث ج ح خ د ذ ز س ش ص ض ط ظ ع غ ق ك ه و ي .

( جُزْ غِشَّ سَاخِطٍ صَدَّ ثِقَةً إِذْ وَعَظَهُ يُحُضُّكَ )

---

) Tiga huruf keluar hujung lidah iaitu Ra,Lam dan Nun. Tiga huruf yang keluar daripada hujung bibir mulut iaitu Ba, Fa dan Mim.

Huruf-huruf ISMAT 23 selain daripada huruf IZLAQ.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | ا | أقلا | | | |
| 2 | ب | إذا | 17 | ع | عالمين |
| 3 | ت | تأكلون | 18 | غ | غالبون |
| 4 | ث | ثواب | | | |
| 5 | ج | جاء | 19 | ق | قائلون |
| 6 | ح | احد | | | |
| 7 | خ | خالدون | 20 | ك | كافرون |
| 8 | د | داعون | | | |
| 9 | ذ | ذلك | 21 | و | ولدا |
| 10 | ر | زيتون | | | |
| 11 | س | سارق | 22 | ي | يُسْرًا |
| 12 | ش | شاق | | | |
| 13 | ص | صالين | 23 | هـ | سَاهُون |
| 14 | ض | ضالين | | | |
| 15 | ط | طالوت | | | |
| 16 | ظ | ظالمون | | | |

## 2. Sifat Tunggal dan Huraiannya.

2.1 SAFIR ( صَفِير ) ertinya suara Unggas iaitu sesuatu bunyi yang berlebihan seakan-akan bunyi unggas, huruf nya ada 3 :

Ṣaad ( ص ) jika diujarkan AṢ ( اَصْ ) kedengaran seperti bunyi suara angsa.

Siin ( س ) jika diujarkan AS ( اَسْ ) kedengaran seperti suara belalang.

Zai ( ز ) jika diujarkan AZ ( اَزْ ) kedengaran semacam suara lebah. (93)

---

(93) Lihat Haq Al-Tilāwah m.s 110

Contohnya:

| | | |
|---|---|---|
| 1. | ز | الزيتون |
| 2. | س | السابقون |
| 3. | ص | الصالحين |

Huruf Saad ( ص ) paling kuat bunyinya seperti suara unggas kemudian huruf ZAI( ز ) dan diikuti oleh huruf Siin( س ).

2.2 QALQALAH ( قَلْقَلَة ) ertinya mendetak hurufnya seakan kedengaran sesuatau yang ditekaknya iaitu bunyi yang lebih kuat serta lantas berikutan dengan letupan pada makhrajnya , bunyi yang bergerak - gerak dan gementar . Hurufnya ada 5 terkumpul dalam bait: قُطْبُ جَدٍّ

Berlaku Qalqalah apabila salah satu huruf itu dimatikan atau mematikan hurufnya sesudah di didahului oleh Hamzah Wasal. Tempat penghasilan suara itulah makhraj bagi hurufnya. Dan juga dapat dikesan huruf berkenaan dalam keadaan tashdid ketika diwakafkan.

Contohnya:

| Bil | Huruf | Contoh |
|---|---|---|
| 1 | ب | قال إني عبد الله |
| 2 | ج | وَجَّهْتُ وَجْهِيَ |
| 3 | د | قل هو الله احد |
| 4 | ط | إِنَّمَا نُطْعِمُكُمْ |
| 5 | ق | اقرأ باسم ربك الذى خلق |

Qalqalah ada tiga tingkatan bunyinya (94):

Tingkatan pertama paling kuat ialah huruf Qaaf( ق )

Tingkatan kedua paling sederhana ialah huruf Jim ( ج ).

Tingkatan ketiga paling rendah huruf selain daripada huruf yang disebut diatasnya.

Para pembaca disarankan membaca Surah Wal 'Adiat hingga akhirnya untuk melatih lidah menyebut huruf-huruf Qalqalah.

Setengah pendapat menyatakan huruf Ţo' ( ط ) bersifat Qalqalah paling tinggi diikuti huruf Jim dan huruf-huruf yang bakinya.

---

(94) Lihat Mohd. Şadiq Qamhari. <u>AL BURHĀN FĪ TAJWĪD AL QURĀN</u> m.s 32.

Sesetengah pendapat lain pula mengatakan setinggi-tinggi Qalqalah ialah huruf-huruf Qalqalah yang bertashdid ketika bacaannya diwakafkan . Kemudian huruf-huruf yang Sakin pada wakafnya dan huruf Qalqalah yang sakin dengan bacaan wasal.Diikuti huruf-huruf Qalqalah yang berbaris pada wakafnya.

**Dua Jenis Qalqalah** (95)

(1) Qalqalah Sughra( صُغْرَى ) iaitu apabila huruf-huruf Qalqalah itu berbaris Sakin (mati) dalam keadaan wasal dengan erti kata lain huruf-huruf mati tersebut diwujudkan diawal atau ditengah maka hendaklah dibacakan dengan Qalqalah yang sederhana

Contohnya:

| Bil | Huruf | Contoh |
|---|---|---|
| 1 | ق | لقد خلقنا الانسان |
| 2 | ط | وتطهير، شطر المسجد |
| 3 | ب | سبع سماوات |
| 4 | ج | الم نجعل الارض مهادا |
| 5 | د | لتدخلن المسجد الحرام |

---

ihat Dr Ab ʿAl Salim Mukram_Tatbiqat Nahwiah Wa
alaghiah m.s 725 Dār Al-Buhūs

(2) Qalqalah Kubra ( كُبْرَى ) iaitu huruf Qalqalah terletak di akhir perkataan , maka cara pengujaran nya lebih sedikit daripada Sughra apabila diwakaf kan.Contohnya boleh didapati dalam Surah Al-Falaq:

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ * مِن شَرِّ مَا خَلَقَ * وَمِن شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ * وَمِن شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ
وَمِن شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ

Seterusnya jika huruf-huruf Qalqalah Kubra itu bertashdid maka hendaklah dinyatakan tashdidnya dengan cara dilebihkan sedikit lagi tekanan ketika diwakafkan. Contohnya :

(Wa Tabb...) وَتَبَّ

(Al-Hajj...) الْحَجّ

(Al-Haq-q..) الْحَقّ

## CARA MEMBACA QALQALAH

Para ulama' mempuyai pendapat yang berbeza dalam hal ini:-

(1) Qalqalah dibaca menurut huruf sebelumnya yang berbaris di atas , bunyinya adalah terlebih hampir kepada bunyi fathah seperti:

وَلَقَدْ كَتَبْنَا فِي الزَّبُورِ
وَالْفَجْرِ وَلَيَالٍ عَشْرٍ

(2) Qalqalah itu dibaca menurut baris huruf sesudahnya.

(3) Qalqalah itu terlebih hampir kepada baris atas tidak ditilik pada huruf sebelumnya atau sesudahnya.

Dalam ketiga-tiga pendapat diatas pendapat terakhir adalah lebih releven dan sejajar dengan pendapat jumhur Qurra' termasuklah Imam Al-Jazarie . Contoh sifat bunyi Qalqalah mengatas :

FARIIQA' (bukan FARIIQI) فَرِيْقْ

Perlu diingatkan Qalqalah adalah merupakan sifat yang lazim bagi huruf-hurufnya,ada dalam keadaan Sakinah ( mati ),ditengah kalimat atau dihujungnya yang diwakafkan ,bunyi ketika membacanya ada tekanan yang sederhana, yang kuat dan lebih kuat.

2.3 LIIN ( لين ) ertinya lembut iaitu huruf yang bersifat ringan dan mudah apabila diujarkan.

Hurufnya dua sahaja iaitu Ya dan Wau mati didahului huruf berbaris diatas seperti perkataan :

( خَيْر يَوْم بَيْت. قُرَيْش ).

Hurufnya terdapat dalam Surah Qurais : (96)

لِإِيلَافِ قُرَيْشٍ * إِيلَافِهِمْ رِحْلَةَ الشِّتَاءِ وَالصَّيْفِ
فَلْيَعْبُدُوا رَبَّ هَٰذَا الْبَيْتِ * الَّذِي أَطْعَمَهُم مِّن جُوعٍ
وَآمَنَهُم مِّنْ خَوْفٍ

---

) Contoh tersebut ialah huruf LIIN sahaja . Apabila LIIN tadi didahului oleh baris yang sejenis contohnya: هُوْد . زِيْن ، صَاد Maka ia dipanggil Mad dan Liin.

2.4 INHIRĀF ( إنحراف ) ertinya melencong atau bersifat senget pada lidah ketika menyebut hurufnya, huruf-huruf yang keluar dari makhrajnya melencong kepada makhraj kepada makhraj lain, atau membunyikan hurufnya dengan melentur lidah kepada makhraj lain. Hurufnya dua iaitu Lam dan Rā’

لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ



2.5 TAKRIR(            ) maknanya berulang-ulang iaitu huruf huruf yang bergetar hujung lidah ketika menyebutnya. Hurufnya satu sahaja iaitu Ra’. Contohnya:

الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم



2.6 TAFASHSHI ( تفشّي ) maknanya berhamburan angin melalui lidah ketika menyebut hurufnya . Udara akan keluar diantara lidah dan lelangit ketika menyebut hurufnya. Hurufnya satu sahaja iaitu Shiin.




2.7 ISTIṬALAH ( إستطالة ) ertinya memanjang iaitu memanjang bunyi dari awal pinggir atau tepi lidah hingga akhirnya . Huruf yang terlibat pada sebutannya ialah Daad ( ). Kadar memanjang bunyi Daad lebih kurang sedikit dari kadar panjang Mad asli yakni kurang satu alif (dua harakat). (97)




(97) Ketika mengujarkan Ad( ) lidah diangkat kelelangit secara beransur daripada hadapan hingga kebelakang.

B **Sifat-Sifat Huruf ʿaraḍiah**

Sifat-sifat huruf ʿaraḍiah ialah sifat yang ada pada huruf secara tidak bersendirian . Sifat huruf itu disesuaikan dengan sifat-sifat yang lain kerana adanya persamaan dengan huruf-huruf yang tertentu.

Dengan erti kata lain sifat-sifat ʿaraḍiah ialah sifat-sifat yang datang pada huruf pada setengah keadaan, dan sifat itu boleh berpisah daripada setengah keadaan y ng lain disebabkan oleh beberapa sebab.

Sifat sifat ʿar ḍiah mempunyai 11 sifat iaitu Iẓhar, Idghām , Tafkhīm , Tarqīq , Mad, Qasr, Iskān, Taḥrīk, Sakt, Qalb dan Ikhfā'.

**Huraian Sifat-Sifat Tersebut.**

Apabial Nun Mati yang berbaris mati atau Tanwin bertemu salah satu huruf Hija'iyyah di dalam Al-Quran m ka akan lahirlah lima jenis hukum bacaan pada asasnya . Iaitu:

1) Bacaan Iẓhār.
2) Bacaan Idghām Bighunnah.
3) Bacaan Idghām Bilaghunnah.
4) Bacaan Iqlab.
5) Bacaan Ikhfā'.

Ilmu Qiraat yang dibaca oleh para Qurra'.

1) **BACAAN IZHAR**

Menurut bahasa , ertinya menyatakan ( Albayan ) dan menurut istilah bermaksud mengeluarkan dengan nyata huruf daripada makhrajnya tanpa dengung (Ghunnah), tanpa wakaf , saktah dan tashdid pada huruf Izhar atau huruf yang diizharkan . Huruf-huruf Izhar itu terkumpul di dalam rangkai kata. أغح خعه

Bacaan Izhar diujarkan apabila Nun mati atau Tanwin bertemu dengan salah satu daripada huruf enam di atas , huruf itu dipanggil huruf Halqi kerana keluarnya kumpulan huruf itu dari daerah halkum sahaja.

Ianya dibaca dengan nyata mengikut makhrajnya tanpa sengau , dengan kata lain mengekalkan zat huruf dan sifatnya tanpa diubah atau disenyawakan dengan sifat atau dengan huruf yang lain , masing - masing dibaca dengan mempunyai zat dan sifat yang tersendiri.

Di dalam tilawah Al-Quran berlakunya Nun Sakinah ( Nun mati ) pada satu kalimat dan juga dua kalimat, sedangkan berlaku tanwin hanya terbatas kepada dua kalimat.

## CONTOH-CONTOH

| Bil | (HALQI) HURUF IZHAR | CONTOH NUN MATI | |
|---|---|---|---|
| | | DUA KALIMAT | SATU KALIMAT |
| 1 | HAMZAH | مِنْ اهل | يَنْأَوْنَ |
| 2 | HA' | مَنْ هاجر | تَنْهَى |
| 3 | 'AIN | مِنْ عمل | أَنْعَمْتَ |
| 4 | HA | مِنْ حليم | يَنْحِتُونَ |
| 5 | GHAIN | مِنْ غير | فَسَيُنْغِضُونَ |
| 6 | KHA' | مِنْ خوف | الْمُنْخَنِقَة |

## CONTOH-CONTOH TANWIN

| Bil | CARA TILAWAHNYA | HURUF IZHAR | LAFAZ-LAFAZ QURANI |
|---|---|---|---|
| 1 | Rasūlun Amīn | HAMZAH | رَسُولٌ أَمِينٌ |
| 2 | Fariqan Hudā | HA' | فَرِيقًا هُدَى |
| 3 | Samīʿun ʿAlīm | 'AIN | سَمِيعٌ عَلِيمٌ |
| 4 | Ghafūrun Ḥalīm | HA' | غَفُورٌ حَلِيمٌ |
| 5 | Mā'an Ghadaqa | GHAI | مَاءً غَدَقًا |
| 6 | Yaumaizin Khāshiʿah | | يَوْمَئِذٍ خَاشِعَة |

Bacaan tanwin di dalam topik ini adalah sama dengan bacaan Nun Sakinah an-in-un ketika tanwin itu diwasalkan.

Tiada khilaf jumhur qurrā' mengenai bacaan Izhar tersebut , melainkan bacaan Warash sahaja iaitu ketika Nun Mati atau Tanwin bertemu dengan Hamzah di dalam dua kalimat lalu ia membaca dengan Naqal contohnya : (98)

1) adhāban alīmā( عَذَابًا أَلِيمًا )dibaca adhābanalīmā( عَذَابَنَلِيمًا )

2) Min Ahli ( مِنْ أَهْلِ )dibaca Minahli ( مِنَهْلِ )

3) MinAn Fusikum( مِنْ أَنْفُسِكُمْ )dibaca Minanfusikum( مِنَنْفُسِكُمْ )

LOKASI SEBUTAN HURUF-HURUF HALQI




Berdasarkan rajah di atas , ada tiga peringkat tempat pengujaran huruf halqi:

1) Peringkat Tertinggi hurufnya - Hamzah ( ء )/ Ha'( ه )

2) Peringkat Pertengahan hurufnya - ain ( ع )/ Ha'( ح )

3) Peringkat rendah hurufnya - Khā' ( خ )/Ghin( غ )

---

(98) Lihat Dr . Abd Fattāḥ : **Kitab Al tadhkirah fi al qirāat** Juzu' 1 Halaman 237 1990.

## 2) BACAAN IDGHĀM

Menurut bahasa maknanya memasukkan sesuatu ke dalam sesuatu yang lain . Menurut istilah Ilmu Tajwid ia bermaksud memasukkan huruf yang pertama ( Nun Sakinah atau Tanwin) ke dalam huruf berikutnya (huruf-huruf yang diidghāmkan menjadi seakan-akan satu huruf yang ber tashdid serta lidah terangkat menyebutnya.)

Kebanyakkan dialek-dialek Arab menggunakan Idghām di dalam pertuturan harian untuk memudahkan sebutan kerana terlalu sukar menyebut dua huruf yang bersamaan atau berhampiran makhraj.

Oleh itu di dalam bab Idgham sebahagian besar para Qari menggunakan Idgham di dalam qirāatnya berbeza-beza mengikut lidah masing-masing.

Di dalam konteks tilawah Al - Qurān huruf-huruf Idgham terdiri daripada enam huruf yang terkandung di dalam rangkaikata يَرْمَلُون Yarmiluun (Ya'/Ra'/Mim/Lam/Wau/Nun).

PEMBAHAGIAN IDGHAM

Ada dua jenisnya:

1) **Idghām Kamil** ( إدغام كامل ) iaitu memasukkan huruf pertama ke dalam huruf kedua secara sempurna. Ia dinamakan juga Idgham Bilaghunnah( ادغام بلا غنة ) dan ianya berlaku apabila Nun mati atau tanwin disusuli dengan salah satu hurufnya (Lam dan Ra') maka cara bacaan mengikut para Qurra' tidak didengungkan. (99)

Huruf Idgham Kamil:

i) Lam

ii) Ra'

CONTOH

| CARA TILAWAH | TANWIN | CARA TILAWAH | NUN SAKINAH | HURUF IDGHAM KAMIL |
|---|---|---|---|---|
| wailul Likulli | ويل لكل | illam | إن لم | Lam |
| Ingisyatirra | عيشة راضية | Mirrahmati | من رحمة | Ra' |

Idghām Kamil tidak berlaku di dalam struktur bunyi bahasa Al-Qurān di dalam satu kalimat . Ia hanya berlaku antara dua kalimat sebagaimana yang dibentang di dalam misal tersebut. Adapun Nun Sakinah pada ayat:

وقيل من راق

قطففين : 14

(99) Lihat Fathi Al Khuly : **Qawāid Al tartil** m.s ?

Mengikut Riwayat Hafas , dibaca dengan Izhar (Man) dalam bentuk saktah kemudian dimulakan bacaan Ra' yang berbaris di atas tanpa tashdid . Cara membacanya :

وَقِيْلَ مَنْ سَ رَاقٍ (Waqiila Man' raaq).

Pada riwayat Qalun, Warasy, dan Duri dibaca dengan Idgham seperti hukum asalnya ( ادغام كامل ) tanpa saktah. Cara membacanya Waqiilomarraq'( وَقِيْلَ مَنْ رَّاقٍ ). (100)

2) Idgham Naqis

Memasukkan huruf pertama ke dalam huruf kedua dalam bentuk tidak sempurna , yang mana kemasukkan huruf pertama menghilangkan zatnya bukan sifatnya , berbeza Idgham Kamil yang mana keduanya sekali hilang zat dan sifatnya semasa berlaku Idgham.

Huruf Idgham Naqis ada empat iaitu Ya',Wau,Mim dan Nun atau rangkaikata يومن (Yumin).

Hukum bacaan Idgham Naqis ialah didengungkan sebutan apabila Nun mati atau Tanwin bertemu salah satu hurufnya , ia dinamakan juga Idgham Bighunnah ( ادغام بغنة ).

---

(100) Lihat Dr.Shauki Dhif : Kitāb AL-Saba'ah Fi Al Qiraat li Ibn Mujāhid edisi - 8 Dār Al Ma'arif m.s 661 (1400 h).

Kadar dengungnya ialah satu alif atau dua harakat

CONTOH

| CARA SEBUTAN | TANWIN | CARA SEBUTAN | NUN SAKINAH | IDHGAM BINGUNNAH (SENGAU) |
|---|---|---|---|---|
| khairayyarah | خَيْرًا يَرَهُ | Mayyakhsa | مَنْ يَخْشَى | Ya |
| yaumaizinnaimah | يَوْمَئِذٍ نَاعِمَةٌ | Lannazidakum | لَنْ نَزِيْدَكُمْ | Nun |
| quranummajid | قُرْآنٌ مَجِيدٌ | Mimma | مِنْ مَّا | Mim |
| khairuwwaabqa | خَيْرٌ وَأَبْقَى | Miuwal | مِنْ وَالٍ | Wau |

Peringatan.

2.1) Apabila didapati huruf Idghām Naqis selepas Nun Sākinah di dalam satu kalimat maka para Qurrā' membaca dengan Izhār . Ada empat sahaja di dalam Al-Qur'ān yang terlibat dengan bacaan Izhar.

1) (32: انعام ) دُنْيَا Dunyā

2) (99: انعام ) قِنْوَانٌ Qin Wān

3) (4 : صف ) بُنْيَانٌ Bun yān

4) (4 : رعد ) صِنْوَانٌ Sin Wān

Keempat contoh-contoh tersebut diistilahkan oleh para Qurrā' dengan nama **Izhār Mutlak** kerana di dalam pengujarn bunyi Al-Qur'ān , contoh-contoh itu terkeluar huruf huruf halki atau rongga tekak.

2.2) Di dalam Al-Quran dua tempat sahaja dibaca Izhar apabila Nun Sakinah bertemu dengan Wau yang sepatutnya dibaca dengan Idgham. Iaitu:

(2.2a) يس والقرءان الحكيم

Cara tilawahnya Yasiin Wal Quran Nil Hakim .

(2.2b) ن والقلم وما يسطرون

Cara tilawahnya Nuun Walqalami Wama Yasturun.

Mengikut riwayat Hafas , Qālun dan Dūri , mereka membaca dua ayat di atas dengan Izhār . Nun pada Ya siin dan juga Nun pada Nuun.

Mengikut riwayat Warash ن / Nuun diidghamkan kedalam Wau serta dengung apabila bacaan diwasalkan. (101)

Cara pengujaran :

Yasiwwal Quranil Hakim. يس والقرءان الحكيم

NuwwalQalami Wama Yasturun. ن والقلم وما يسطرون

Bagi Warash pada ayat ن والقلم boleh dibaca dengan salah satu dua wajah dan beliau memilih wajah kedua iaitu Idghām Ma'alghunnah.

---

(101) Dr.Mohd Salim Muhaisin, **Al-Irsyadat Al-Jaliyyah Fi Al-Qiraat As-Sabi'e Min Torik Al-Shatibiah** m.s 387-473 (1985)

gham nisbah kepada huruf huruf terbahagi kepada tiga jenis.

) Idgham Al Mutamathilain atau Mithlaini.

) Idgham Al Mutajanisaini.

) Idgham Al Mutaqaribaini.

Ketiga-tiga kategori di atas merupakan sebab atau punca rlakunya Idgham.

) **Idgham Al Mutajanisaini.**

Apabila dua huruf yang sama bertemu, huruf yang pertama Sakin ( mati ) dan huruf yang kedua berbaris (hidup) maka huruf pertama diserapkan ke dalam huruf yang kedua menjadi satu huruf yang bertasydid apabila dibacakan . (102)

| ontoh Idgham huruf yg.sama | Lafaz Al-Quran | Cara pengujaran |
|---|---|---|
| a' dalam Ba | ( 22 : نمل) اذهب بكتابى | Izhab bikitabi |
| al dalam Dal | ( 61 : مائدة) وقد دخلوا | Waqad da khalu |
| a' dalam Fa | ( 33 : اسراء) ولا يسرف فى القتل | Falayusriffi Alqatli |
| Ra' dalam Ra | ( 41 : عمران) واذكر ربك | Wazkurrabaka |
| a' dalam Ta | ( 16 : بقرة) ربحت تجارة | Rabihattijarah |

102) Fathi Al Kholy **Qawaid Al Tartil** m.s 11

٣

**Peringatan:**

1) Idghām Mutamāthilain hanya berlaku pada huruf pertama yang Sakin dan yang kedua berbaris dengan syarat hurufnya sama melainkan huruf Ya' dan Wau dengan yang sejenisnya maka hukum keduanya tidak boleh diidghām-kan kerana keduanya huruf Mad (103)

Contohnya:

1) Ya dengan Ya - Wal lai ya isna ( وَالّٰئِي يَئِسْنَ )

2) Wau dengan Wau - Āmanū wa ʿamilū ( آمَنُوا وَعَمِلُوا )

2) Hukum bacaan Idghām Mutamāthilain tidak didengungkan melainkan di dalam dua keadaan dimana bacaannya wajib didengungkan dalam kadar dua harakat iaitu:

a) Apabila Mim pertama sukun bertemu dengan Mim kedua berbaris seperti :

Minkummardha. مِنْكُمْ مَرْضَى [illegible] : 146

b) Apabila Nun pertama sukun bertemu dengan Nun kedua ber baris seperti :

Minnār مِنْ نَارٍ

(103) Lihat ʿĀmir Saʿīd: __Tajwid Al-Qurān__ halaman 46 Maktabah Al-Falāh (1982).

Harus dibaca dengan Idghām dan Izhār , tetapi bacaan zhār lebih aula( أَوْلَى ). Pada firman Allah : (104)

مَآ أَغْنَى عَنِّى مَالِيَهْ هَلَكَ عَنِّى سُلْطَانِيَهْ

الحاقة : 28

'ara Qurra' membaca dua wajah pada مَالِيَهْ هَلَكَ :

a) Izhār serta saktah

b) Idghām

Bacaan Warash pada مَالِيَهْ هَلَكَ ada hubungkait dengan bacaan كِتَابِيَهْ إِنِّى apabila diwasalkan dan dinaqalkan harakat, cara bacaannya kitabiyahinni ( كِتَابِيَهِنِّى ) kemudian mengidghāmkan مَالِيَهَّلَكَ atau dibaca كِتَابِيَهْ سَكْتَة هَلَكَ dengan saktah tanpa naqal dan dibaca dengan Izhār.

Mengikut riwayat Hafas , Qālun , Warash dan Duri dibaca Izhar apabila huruf prtama berbaris bertemu huruf yang kedua juga berbaris bagi huruf yang sama atau berdekatan makhrajnya dan ia dipanggil Idghām Kabir ( ادغام كبير ) seperti :

الرَّحِيمِ مَلِكِ ، فَعَلَ رَبُّكَ ، فِيهِ هُدًى

Bacaan Idgham Kabir hanya khusus bagi riwayat Susi ( سوسي ) dari Qiraat Imam Abu Amr ( أبو عمرو )

---

(104) Lihat Hussaini Sheikh Othman : Haq Al Tilawah Al-Quran Halaman 177 Edisi 8 (1988)

la dua cara pengujaran Idghām Kabīr :

1) Memasukkan atau menyerapkan huruf pertama ke dalam huruf yang kedua tanpa Mad seperti:

dibaca Ya'lamma ( يعلمّا ) يعلم ما

dibaca Ma'abrahhatta ( ما أبرحّتى ) ما أبرح حتى

dibaca Khalikkulli ( خالكّل ) خالق كل

2) Dibaca dengan Mad dalam kadar dua atau empat atau enam harakat contohnya :

Fiihhuda

Fiiiihhuda

Fiiiiiihhuda

فيه هدى

arrahiim Malikiyaumiddin.

arrahiiiim malikiyaumiddin.

arrahiiiiiim malikiyaumiddin.

الرحيم ملك

Dibaca dengan mad apabila huruf pertama berbaris bertemu uruf kedua berbaris ( huruf yang sama ) dan sebelumnya huruf lad.

) **Idghām Mutaqāribain**

Ialah apabila dua huruf yang hampir sama pada makhraj dan sifat bertemu di mana huruf pertama sakin ( mati ) dan huruf kedua berbaris ( مُتَحَرِّك ) maka hukum bacaan nya ialah dengan Idghām tanpa dengung ( غُنَّة )(105). Seperti : وَقُلْ رَّبِّ

(a) Idgham Lam kedalam Ra' وَقُلْ رَّبِّ dibaca (waqurrabbi)

(b) Qaaf ke dalam Kaf أَلَمْ نَخْلُقْكُمْ dibaca Alamnakhlukkum.

Pada contoh yang kedua di atas ada dua pendapat tentang hukum Idgham :

(1) Dibaca dengan Idghām Kamil yakni dengan Idghām sempurna iaitu dihilangkan huruf qaaf kedalam Kaaf Alam Nakhlukkum

(2) Dibaca dengan Idghām Naqis kerana sifat Isti'la' pada huruf Qaaf tidak boleh digugurkan malah hendaklah dikekalkan . Bacaan seperti itu sangat digemari oleh Qurra' Makkah dan Mesir dibaca Alam Nakhluqkum.

---

105) Husnī Syaikh Othman *Haq Al Tilāwah* m.s 112.

Mengikut qirā'at Abū ʿAmr dari riwayat Dūrī salah seorang muridnya , ada dua tempat sahaja diidghāmkan Lam ke dalam Ta' seperti (106)

هَلْ تَرَىٰ مِن فُطُورٍ ( تبارك : 3 )

فهل ترى لهم من باقية ( حاقة : 8 )

Dibaca kedua-duanya Hattra.

هَتَّرَىٰ

Selain daripada dua tempat itu ianya dibaca dengan Izhār

(3) __Idgham Mutajānisain.__

Ia terjadi apabila bertemu dua huruf berlainan yang datang dari satu daerah pengucapan ( مخرج ) tetapi berbeza pada sifatnya, dengan sharat huruf pertama mati dan huruf keduanya berbaris.

Huruf-huruf yang terlibat dengan Idgham Mutajānissain ialah bā' , tā' , thā', dāl , dhāl , dan ṭa' ( ط )

3,1 __Hukum bā' sakinah__

Sebagaimana yang dimaklumkan di dalam fasal yang lalu , bā' adalah satu-satu huruf yang keluar dari bahagian bibir mulut seperti fā' dan mīm .

---

(106) Dr Ab Fattah : Kitāb Al-Tadhkirah Jilid 1 m.s 233.

Apabila ba' sakinah bertemu dengan Mim , wajib dibaca dengan Idghām serta ghunnah ( Dengung ) di dalam Al-Qur'ān terdapat satu tempat sahaja iaitu :

Contoh I إِرْكَبْ مَعَنَا (هود : 42)

dibaca Irkamma ana إِرْكَمَّعَنَا

- Mengikut tarik shātibiah bahawa Hafas membaca dengan Izhār sahaja إِرْكَبْ مَعَنَا Irkab Ma ana
- Mengikut tarik Al Tayyibah , Hafas membaca dengan dua wajah iaitu Izhār dan Idghām seperti di atas.

Warash membaca dengan Izhar. Qālun dan Duri membaca dengan Idghām serta dengung . (107)

Contoh II :

Ada lima tempat tersebut di dalam Al-Qur'ān iaitu يُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ . Di dalam Surah Al-Baqarah ayat 284 , Al Imran ayat 129 , Al Maidah ayat 18, 40, Al Ankabut ayat 21 , Al Fath ayat 14. (108)

---

(107) Lihat Ibn Al Jazariyy, <u>Al-Nashr Fi Al Qira'at Al-Ashr</u> Jilid 1 m.s 12.

(108) Lihat Kitāb Al-Tadhkirah m.s 123.

**Cara Bacaan Mengikut Qira'at :**

(a) Hafas membaca يُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ

(b) Warash membaca dengan Izhār serta Jazm.

يُعَذِّبْ مَنْ يَشَاءُ

(c) Qalun membaca dua wajah :

1) Jazm يُعَذِّبْ مَنْ يَشَاءُ Yu dhib mayyasha .

2) Dengan Idghām ba' ke dalam Mim serta dengung .

يُعَذِّ مَّيَشَاءُ Yu adhdhimmayyasha .

(d) Duri membaca seperti Qalun pada wajah kedua.

Contoh III :

Idgham Ba' ke dalam huruf Fa' ada lima tempat di dalam Al Quran :

| | | |
|---|---|---|
| 1. | او يقلب فسوف | ( Surah Al Nisā' : 74) |
| 2. | وان تعجب فعجب قولهم | ( " Al Ra'd: 5 ) |
| 3. | قال اذهب فمن تبعك | ( " Isrā' :63) |
| 4. | قال فاذهب فإن لك | ( " Taha: 98) |
| 5. | وَمَنْ لَمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ | ( " Al Hujurat:11) |

**Bacaan Qirā'āt**

1) Abu 'Amr , Kisaiyy dan Khallād membaca dengan Idghām Bā' ke dalam Fā' tanpa dengung.

2) Selain daripada Qurrā' di atas mereka membaca dengan Iẓhār. Hafas ,Qālūn , Warash , membaca Iẓhār sedangkan Dūrī membaca dengan Idghām . Misal bacaan Iẓhār وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ Wamallam yatub fa'ulā'ika sementara bacaan Idgham وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ Wamallam yatuffa ulā'ika. (109)

3.2 <u>Hukum Ta' Sakinah</u>

Huruf ta' salah satu daripada huruf-huruf yang tidak bersuara (mahmusah)

Ta' sakinah apabila bertemu dengan huruf selepasnya hukumnya Idghām atau Iẓhār.

a) Diidghamkan huruf Ta' Sakinah tanpa dengung apabila datang selepasnya huruf Dal atau Ta' ( ط ، د ).

Di dalam Al-Quran ada beberapa contoh mengenainya :

a.1 Athqaladda wa 189: الاعراف أثقلت دعوا

a.2 Ijibadda watukuma 89: يونس أجيبت دعوتكما

b.1 Hammattaifatan 122: ال عمران همت طائفتان

b.2 Faamanattaifah 24 : الصف فآمنت طائفة

Contoh - contoh tersebut di atas semua Qari membaca dengan Idghām tanpa khilaf .

b.3 Bayyattaifah 81: النساء بيت طائفة

---

109) Lihat Tahqiq Hamzah Hakim : <u>Al Mabsut Fi al qiraat Al-'Ashr.</u> m.s 97.

Duri juga mengidghamkan Ta' ( ت ) berbaris ke dalam Ṭā' ( ط ) di dalam ayat di atas (110)

c.4 11 : سورة الشمس كَذَّبَتْ ثَمُودُ

c.5 95 : هود " بَعِدَتْ ثَمُودُ

c.6 56 : نساء " نَضِجَتْ جُلُودُهُم

c.7 97 : إسراء " خَبَتْ زِدْنَاهُم

c.8 267 : بقرة " أَنْبَتَتْ سَبْعَ

c.9 90 : نساء " حَصِرَتْ صُدُورُهُم

11 : نساء " كَانَتْ ظَالِمَةً

**Keterangan Mengikut Qiraat.**

Contoh c.4 hingga c.9

1) Abu ʿAmr , Al Kisaiyy dan Hamzah membaca dengan Idghām apabila Ta' sakinah bertemu salah satu huruf yang enam iaitu Ṣād/Thā'/Jīm/Sīn/Ẓā'/ Zai. (111)

2) Nafiʿ Ibn Kathīr dan ʿĀsim membaca dengan Iẓhār.

3) Oleh kerana penulis membataskan kajian ini kepada 4 riwayat sahaja maka elok dijelaskan dengan cara yang terang.

3.1- Dūrī membaca dengan Idghām.

3.2- Hafas,Qālūn dan Warash membaca dengan Iẓhār melainkan Warash membaca dengan Idghām apabila Ta' ta'nith(sakinah) bertemu dengan Ẓa ( ظ ) iaitu di tiga tempat di dalam Al-Qurʾān :

---

(110) Lihat **Haq Al Tilawah** m.s 151.

(111) Lihat Kitab **Tabṣirah Fī Al Qirāʾāt Al Sabʿah** m.s 357-358

a) Hurrimadz dzuhūrihā  الانعام : 6  حرمت ظهورها

b) Hamaladz dzuhūrihā  الانعام : 146  حملت ظهورهما

c) Kanadz dzālimah  أنبياء : 11  كانت ظالمة

b) Para Qurra' membaca dengan Iẓhār apabila Ta' sakinah bertemu selain daripada huruf-huruf yang telah disebut tadi.

3.3 <u>Hukum Tha' Sakinah</u>

Huruf Tha' sakinah salah satu daripada huruf huruf mahmusah iaitu huruf yang keluar dengan keadaan terlepas angin dalam mulut ketika menyebutnya.

Huruf Tha' sakinah apabila bertemu dengan huruf selepasnya maka hukumnya Idghām atau Iẓhār.

Diidghâmkan tha' sakinah tanpa dengung jika bertemu dengan huruf Dhal.

Contoh I  176  :  يلهث ذلك

Dibaca yalhadhdhālika

<u>Bacaan Qiraat</u>

1) Mengikut Ṭarīq Ṭayyibah Hafas membaca dengan Iẓhār . (112)

2) Qālūn membaca dua wajah iaitu dengan Iẓhār atau Idghām. Iẓhār adalah bacaan utama.

3) Warash membaca dengan Iẓhār. (113)

---

(112) Lihat <u>Qaid Al Qurān Fī Khalq Al Riwayat</u> m.s 236

(113) Lihat <u>Haq Al Tilāwah</u> m.s 182

4) Duri membaca dengan Idgham.

Contoh II

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2 | : | البقرة | لَبِثْتَ |
| 259 | : | حمرة | أُرِثْتُ |
| 52 | : | إسراء | لَبِثْتُمْ |

Hafas, Qalun dan Warasy membaca dengan mengizhar kan Tha'. Duri membaca dengan Idghām Tha' ke dalam Ta'. لَبِثْتَ ، لَبِثْتُ ، لَبِثْتُمْ ،

Contoh III

| | | | |
|---|---|---|---|
| 43 | : | الاعراف | أُورِثْتُمُوهَا |
| 72 | : | الزخرف | |

Duri membaca dengan Idghām. أُورِتُّمُوهَا

Hafas, Qālūn dan warash membaca dengan Izhār. أُورِثْتُمُوهَا .

Para Qāri mengizhārkan bunyi Tha' apabila bertemu dengan selain daripada huruf-huruf yang telah disebutkan.

## 3.4 Hukum Dal Sakinah

Dal salah satu daripada huruf-huruf Qalqalah yang terkandung di dalam ungkapan ( قُطْبُ جَدٍّ ) dan wajib dibaca dengan Qalqalah apabila ia sukun atau diwakafkan.

Hukum bacaan Dal yang mati ialah Iẓhār atau Idghām tanpa dengung apabila ia bertemu dengan huruf-huruf yang berbaris selepasnya .

1) Semua Qurrā' mengidghāmkan Dal sukun yang bertemu dengan Ta'

Contoh I : a) 256 : بقرة وقد تبين

Dibaca Qattabayyana.

b) 14 : ومهدت

Dibaca Wamahhattu.

2) Warash membaca dengan Idghām ketika Dal sakinah bertemu dua huruf sahaja iaitu ẓa' ( ظ ) dan ḍad ( ض ).

Contoh II: Faqad ḍalla 108 : بقرة ، فقد ضل

Qad ḍalaltu 41 : اسراء ، قد ضللت

Laqaẓ ẓalamaka 24,56: انعام ، لقد ظلمك

Faqaẓ ẓalama 231 : بقرة ، فقد ظلم

Dūrī membaca membaca dengan idghām tanpa dengung apabila bertemu salah satu huruf yang lapan shīn, sīn dhai, zal, ṣod, ẓa, ḍad dan jim. (114)

---

14) Abū ʿAmr, Kisaiyy dan Hamzah qirā'at mereka adalah sama. Duri salah seorang rawi qirā'at Abū ʿAmr.

Contoh III :

1. وَلَقَدْ جَاءَ (41 القمر)
2. وَلَقَدْ ذَرَأْنَا (179 الاعراف)
3. وَلَقَدْ زَيَّنَّا (5 الملك)
4. قَدْ سَمِعَ (181 ال عمران)
5. قَدْ شَغَفَهَا (31 يوسف)
6. لَقَدْ صَرَّفْنَا (41 إسراء)
7. لَقَدْ ضَرَبْنَا (58 الروم)
8. لَقَدْ ظَلَمَكَ (56 الانعام)

Contoh IV: يُرِدْ ثَوَابَ 134 : سورة النساء

Duri mengidghamkan Dal ke dalam Tha'.

Cara membaca يُرِثَّوَابَ

Contoh V : كهيعص ذِكْرُ رَحْمَتِ (1 : مريم)

Duri mengidghamkan Dal ke dalam Dhal.

Cara membaca كَافْ هَا يَا عَيْن صَاذِّكْرُ رَحْمَتِ

### 3.5 Hukum Dhal Sakinah

Huruf Dhal ialah huruf yang keluar dari hujung lidah menekan atas tengah hujung gigi atas di atas.

Hukum bacaanya terbahagi kepada dua iaitu Izhar dan Idgham . Bacaan idgham tanpa dengung apabila Dhal mati bertemu dengan huruf za' ( ظ ) yang berbaris. Terdapat dua contoh sahaja di dalam Al-Quran.

Contoh I
إذ ظلمتم دباج إظّلمتم (زخرف: 39)
إذ ظلموا دباج إظّلموا (نساء: 64)

Tiada khilaf para Qari membaca ayat ayat di atas.

Contoh II : Qālūn, Warash dan Duri mengidghāmkan Dhal ke dalam Ta'

اتخذتم دباج اتّختم . (البقرة: 51)
اتخذت - اتّخت . (فرقان: 27)
أخذتم - أخّتم . (آل عمران: 81)
لتخذت " لتّخت . (الكهف: 77)

Hafas dan Ibn Kathīr membaca dengan Iẓhār Dhal.

Contoh III :
عذت دباج عتّ (غافر: 27)
فنبذت " فنبّت (طه: 96)

1) Riwayat Duri dari Qirāat Abū ʿAmr , Al Kisa'iyy dan hamzah membaca dengan Idghām.

2) Hafas, Qālūn dan Warash membaca dengan Iẓhār Dhal. (115)

3.6 **Hukum Ṭā' Sakinah**

Huruf ( ط ) ṭa' dari segi sifatnya adalah huruf ITBĀQ, ISTIʿLĀ' , QALQALAH, JAHR, SHIDDAH dan ISMĀT .

Ṭā' ( ط ) sakinah dari segi hukum bacaan ada dua iaitu Izhar atau Idgham tanpa dengung.

---

115) Lihat **kitab Attadhkirah Fī Al qirāʾati** m.s 235.

1) **Bacaan Idghām**

Apabila Ṭā' ( ط ) Sakinah bertemu dengan huruf Tā'( ت ), pengujarannya ialah dengan memasukkan huruf pertama ke dalam huruf kedua dengan tidak sepenuhnya, iaitu menggugurkan zat sebutan ṭā' ( ط ) dan mentashdidkan Ta' ( ت ) dengan mengekalkan dua sifat identitinya iaitu IṬBĀQ dan ISTI'LĀ'.

Contohnya : لَئِنْ بَسَطْتَ (مائدة: 28)
وَأَحَطْتُ (نمل: 22)

Cara mengujarkannya.

لَئِنْ بَسَتَّ
أَحَتُّ

Untuk ketepatan membacanya mesti bermushāfahah dengan guru yang murshid.

2) **Bacaan Iẓhār**

Ṭa' ( ط ) sakinah bertemu selain daripada huruf yang di atas.

Kesimpulannya:

Bacaan ʿĀsim mengikut riwayat Hafas mewajibkan IẒHĀR mana-mana huruf pertama sakinah yang bertemu dengan huruf kedua berbaris, iaitu huruf-huruf yang jauh berbeza dari segi makhrajnya dan berlawan sifat keduanya.

Para qurra' membaca dengan Idgham mana mana huruf sakinah yang bertemu huruf berbaris kedua duanya.

Para qurra' juga bersepakat membaca dengan Idgham mana-mana huruf pertama sakinah yang bertemu dengan huruf berlainan sifat yang datang dari makhraj yang sama seperti : (116)

بل رفعه (النساء : 155)　　قد تعلمون (الصف : 5)

إذ ظلموا ( " : 64)　　لقد تركنا (العنكبوت : 35)

همت طائفة ( " : 102)

ودت طائفة (آل عمران : 77)

لقد تقطع (الأنعام : 94)

Apabila huruf sakin itu huruf Dal bertemu dengan huruf kedua berbaris dari huruf-huruf lapan, iaitu : Jim / Dhal / Zai / Sin / Shin / Ṣad / ḍad / Ẓa.

Maka mengikut Qiraat Abu 'Amr, Hamzah, Al Kisaiyy dan hisham dari Ibn ʿAmir wajib diidghamkan.

Warash membaca dengan Idgham apabila Dal mati bertemu dengan Ḍad dan Ẓa ( ض )&( ظ ).

---

16) Lihat **Tahqiq Hamzah Hakim: Al Mabsut** Halaman 91-99.

3.7 <u>Hukum Siin.</u>

Siin adalah daripada huruf-huruf Mahmusah( الحروف مهموسة )

Sebutan Siin adalah jelas seperti huruf-huruf lain melainkan dalam keadaan yang tertentu . Kerana kadang kadang dibaca Siin tulin di beberapa tempat dan kadang-kadang dibaca Siin dengan huruf Sad.

Di dalam Mushaf Othmani ditulis Siin dan Sad . Ini mengisharatkan asal kalimat itu mungkin Siin atau Ṣad.

Dalam hal ini ada tiga jenis Qirāat:

i) Setengah mereka membacanya dengan Siin.

ii) Setengah mereka membacanya dengan Ṣad ( ص ).

iii) Setengah membacanya dengan dua wajah , iaitu Siin dan Sad ( ص )

Perselisihan Qirāat boleh dirujukkan kepada beberapa contoh di bawah ini :

Contoh I والله يقبض ويبصط (بقرة ، ٢٤٥)

وزادكم في الخلق بصطة (اعراف: 69)

Hafas membaca dua wajah, Siin dan Ṣad ( ص ).

Qālun dan Warash membaca dengan Sad ( ص ).

Duri membaca dengan Siin. (117)

---

117) Lihat <u>Al Muhazzab Fi Al-Qiraat Al-Ashr</u> m.s 80 , 244 , 257, 321.

Contoh II:

لَسْتَ عَلَيْهِم بِمُصَيْطِرٍ (غاشية : 22)

أَمْ هُمُ الْمُصَيْطِرُونَ (الطور : 37)

Hafas membaca dua wajah iaitu dengan Siin dan Sad. Qalūn , Warash dan Durī membaca dengan Ṣad sahaja. Hishām dari Ibn ʿĀmir membaca dengan Siin sahaja . Riwayat khalaf dari Qirāat Hamzah membaca dengan Ishmām.

Mengikut ṭarīq shātibiyyah.Hafas membaca dengan Sad pada wajah pertama dan Siin pada wajah kedua pada ayat tadi . (118)

Selain daripada qari-qari di atas mereka tetap membaca dengan Ṣad.

Dalam Rasam Mushaf Othmani kita dapati Siin diletakkan di bawah Ṣad.Ini menunjukkan sebutan huruf Sad lebih awla dan mashhur. Seperti di dalam :

الْمُصَيْطِرُونَ

Begitu juga diletakkan Siin di atas Ṣad , ini menunjukkan bahawa sebutan Siin lebih awla dan mashhur seperti:

وَاللهُ يَقْبِضُ وَيَبْصُطُ

فِي الْخَلْقِ بَصْطَةً

---

118) Lihat Al-Irshād Al Jaliyah Fi Al-Qirāat Al Sabiʿe Min Torik Al-Shatiyyah m.s 445-495.

## 3.8 Hukum Miim

Miim ialah di antara huruf-huruf yang keluar dari daerah dua bibir mulut. Untuk mengujarkan huruf Miim maka kita terpaksa menutup dua bibir terlebih dahulu secara longgar. Sifat Miim adalah sengauan ( غُنَّة ). Miim mati boleh dikategorikan kepada 3 hukum berdasarkan kepada huruf-huruf yang datang selepasnya :

a) Apabila Miim Sakinah bertemu dengan Miim , maka hendaklah dimasukkan Miim pertama kedalam Miim yang kedua supaya menjadi satu sebutan bertashdid. Hukumnya Idghām Shafawī , cara bacaannya adalah wajib didengungkan dalam qadar dua harakat. Sesungguhnya tidak ada sebarang khilaf para Qārī tentang bacaannya, contohnya: فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ

( ١٠ : بقرة )

b) Apabila Miim mati bertemu dengan huruf Ba ' di panggil Ikhfa' Shafawi . Hukum bacaannya hendaklah disembunyikan Miim mati di samping mengekalkan Ghunnah ( غُنَّة ) contohnya :

Wahuubil Akhirah (4 : بقرة ) وَهُمْ بِالْآخِرَةِ

Tarmihimbihijarat (4 فيل ) تَرْمِيهِمْ بِحِجَارَةٍ

دباج وَهُمْ بِالْآخِرَةِ .

تَرْمِيهِمْ بِحِجَارَةٍ .

c) Apabila Mim mati bertemu huruf yang berbaris selain daripada huruf Mim dan Bā' dipanggil Izhar Shafawi. Hukum bataannya wajib diizharkan Miim mati tanpa dengung dan tanpa suara yang terputus. Pengujaran Izhar mim mati lebih kuat tekanannya ketika bertemu dengan huruf Wau dan huruf Fa', tujuannya adalah untuk mengelakkan sebutan Izhār itu condong kepada Ikhfā'.

Contohnya : عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ (فاتحة : 7)

وَلَكُمْ فِيهَا مَا تَدَّعُونَ (فصلت : 32)

1) **<u>Masālah Mim Al Jamᶜie mengikut riwayat Hafas ada tiga keadaan.</u>**

Mim Jamᶜie ialah simbol ganti nama kedua atau ketiga bagi jamaᶜ laki-laki. (119)

(i) Dimatikan Mim ketika wakaf oleh semua Qurrā'.

(ii) Dimatikan Mim apabila bertemu dengan huruf berbaris dan diwasalkan, contohnya : أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ

(iii) Dibariskan hadapan pada Mim apabila bertemu huruf sakinah dan diwasalkan Mim Dammah'. Contohnya :

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ (البقرة : 61)

(آل عمران : 112)

---

119) Lihat Ahmad Haji Abdul Ghani, **<u>Kamus Al Iᶜrab</u>** m.s 253. Dian Dar Al Na im

2) **Mengikut riwayat Qalun pada Mim Al Jam<sup></sup>ie.**

i) Wajah pertama dibaca dengan sukun Mim apabila bertemu dengan huruf berbaris seperti bacaan Hafas.

ii) Wajah kedua dibaca dengan Silah Mim ( صلة ميم ) iaitu membaris hadapankan Mim dan diwasalkan dengan Wau Lafziah. Bacaan Wau yang yang disambung pada Mim itu adalah dengan qadar satu alif atau dua harakat, dengan sharat Mim itu didahului oleh salah satu tiga huruf Ta'/Kaf/Ha', contohnya :

| CARA TILAWAHNYA | CONTOH MIM AL JAMIE | HURUF |
|---|---|---|
| وَلَا أَنْتُمُو عَابِدُونَ | وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ | تاء |
| مِنْكُمُو إِنَّمَا | مِنْكُمْ إِنَّمَا | كاف |
| عَلَيْهِمُو غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمُو | أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ | هاء |

3) **Mengikut riwayat Warash**

Warash tidak membaca silah Mim Dammah kecuali terdapat Hamzah Qata* selepas Mim :

عَلَيْهِمْ ءَأَنْذَرْتَهُمْ دباج عَلَيْهِمُووووووو ءَأَنْذَرْتَهُمْ

Kadar panjang bacaan silah itu adalah tiga alif atau enam harakat yang dipanggil ( اشباع ).

4) <u>Mengikut riwayat Dūri</u>

Duri dari Qiraat Abu 'Amr Al Basri meletakkan satu kaedah iaitu Mim Al-Jam'ie dibaca kasrah apabila datang sebelumnya Ha ' yang didahului oleh kasrah atau Ya' sakinah. Jatuh selepas Mim Al-Jamᶜie huruf sakin Mubas; ir ( مباشر ), dibaca ketika wasal. (119)

فِي قُلُوبِهِمُ الْعِجْلَ دباج فِي قُلُوبِهِمِ الْعِجْلَ (البقرة: 126)

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ دباج ضُرِبَتْ عَلَيْهِمِ الذِّلَّةُ (البقرة: 61)

<u>Tambahan</u>

Mim Al-Jamᶜie ( ميم الجمع ) samada ia jatuh sebelum huruf sakinah atau berbaris. Apabila berlaku sebel m sakinah seperti مِنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ hendaklah dibaca dengan baris hadapan tanpa silah bagi semua Qari. Apabila berlaku sebelumnya berbaris samada huruf yang berbaris itu ber hubung dengannya yakni dengan Damir ( ضمير ) seperti :

أَنُلْزِمُكُمُوهَا - واتقوه

Maka hendaklah dibaca dengan baris hadapan serta silah bagi semua Qurrā'. Itulah bahasa yang fasih.

---

(119) Lihat <u>Haq Al-Tilāwah</u> m.s 179.
Lihat <u>Al-Muhdhdhab Fī Al-Qirāat Al-ᶜAshr</u> m.s 59

3.9 <u>Hukum Laam</u>

Pelbagai hukum Laam berdasarkan tempatnya di dalam kalimat , Insha Allah penulis akan menerangkan satu persatu dalam bab ini.

i) Laam Al-Ta^c^rif ( لام التعريف )

ii) Laam Al-Sakinah ( لام الساكنة )

iii) Laam Lafaz Al-Jalalah ( لام لفظ الجلالة )

1) <u>Laam Al-Ta^c^rif</u>

Lam Sakinah Za'idah yang didahului Hamzah Wasal berbaris atas dan selepasnya disusuli dengan Ism (Kata Nama) tidak dianggap sebagai satu kalimat dan ianya dibolehkan berpisah daripada Ismnya seperti

ال - قمر . ال شمس

atau tak mungkin dipisahkan seperti الذي . التي

Laam Al-Ta^c^rif atau dikenali juga sebagai Laam Ma^c^rifah apabila bertemu mana-mana huruf Hija'iayyah akan menimbulkan salah satu daripada dua hukum sama ada <u>Al</u> dibaca dengan Izhar atau <u>Al</u> dibaca dengan Idgham.

i) Al dibaca dengan Izhar dipanggil (AL) Qamariah ( القمرية )

ii) Al dibaca dengan Idgham dibaca ( AL )Shamsiah ( الشمسية )

i) <u>Laam Al-Qamariyyah</u>

Huruf Al-Qamariqh mempunyai 14 huruf yang terhimpun dalam rangkaikata : ابغ حجك وخف عقيمه

Dengan erti yang jelas, apabila sukukata Alif Laam berhubung dengan salah satu huruf-hurufnya tadi maka huruf Laam pada permulaan itu wajib diizhārkan.

" Prof Dr Asmah Hj Omar menta'rifkan huruf-huruf Qamariah adalah huruf y ang melambangkan fonem yang tidak memperlihatkan asimilasi Laam pada Al.Huruf-huruf Qamariah adalah bukan dental dan bukan alveoler yang terdiri sebagaimana yang tersebut di atas . " (120)

Contohnya:

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Al Awwalu | الاول | 8. | Al Faslu | الفصل |
| 2. | Al Basitu | البسيط | 9. | Al Qahiru | القاهر |
| 3. | Al Jalīlu | الجليل | 10. | Al Karīmu | الكريم |
| 4. | Al Hakīmu | الحكيم | 11. | Al Maliku | الملك |
| 5. | Al Khabiru | الخبير | 12. | Al Wadūdu | الودود |
| 6. | Al Ilmu | العلم | 13. | Al Yakīnu | اليقين |
| 7. | Al Ghafūru | الغفور | 14. | Al Hādi | الهادى |

Pengenalan Alif Laam Qamariah biasanya ditanda mati pada huruf Laamnya di dalam Al-Quran. Ia dinamakan (Al) Qamariah kerana Laamnya itu disebut dengan jelas sekali umpama bulan penuh purnama ( القمر ).

---

20) Prof. Dr. Asmah Hj Omar, " Perancangan Bahasa dengan rujukan khusus kepada Perancangan Bahasa Malaysia " m.s 205-207.

i) Laam Al-Syamsiyyah

Apabila sukukata Alif Laam berhubung dengan salah satu hurufnya maka Laamnya wajib diidghamkan iaitu dimasukkan ke dalam huruf pertama ( kata nama ) yang terletak selepasnya dengan sempurna tanpa dengung ( غنة ).

Huruf-huruf Shamsiah ialah huruf yang apabila didahului oleh partikel melibatkan timbulnya proses asimilasi Laam ke dalam Fonem pertama kata nama yang mengikutinya sehingga timbul tashdid (Pergandaan) pada Fonem yang berkenaan. (121)

Huruf-hurufnya ada 14 yang terkumpul dalam rangkaikata dipermulaan kalimat.

طب ثم صل رحما تفز ضف ذا نعم دع سوء ظن زر شريفا للكرم .

Dilihat dari segi artikulasi huruf-huruf ini tentunya melambangkan forem dental dan alveolor . Contoh contoh asimilasi Laam pada fonem-fonem itu adalah seperti berikut:

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Attawwabu | التّواب | 8. | Ashshimalu | الشّمال |
| 2. | Aththwabu | الثّواب | 9. | Aṣṣalawatu | الصّلوات |
| 3. | Addaᶜi | الدّاعي | 10. | Aḍḍalalu | الضّلال |
| 4. | Adhdhariat | الذّاريات | 11. | Attayyibatu | الطّيبات |
| 5. | Arrahmanu | الرّحمن | 12. | Aẓẓahiru | الظّاهر |
| 6. | Azzaituna | الزّيتون | 13. | Allailu | اللّيل |
| 7. | Assamaʾu | السّماء | 14. | Annasu | النّاس |

---

21) Dr.Asmah m.s 205.

Cara pengenalan Alif Laam Shamsiah biasanya ditanda tashdid pada huruf selepas Laam dalam Mushaf Al-Quran. Semua Qari membaca dengan Idgham Bighunnah( ادغام بغنة ) apabila Alif Laam Shamsiah berhubung dengan huruf Nun (122). Dengung dalam qadar satu alif atau dua harakat.

Seperti: النّار

النّاس

النّبأ

2) <u>Laam Sakinah (Mati)</u>

<u>Variasi Laam Mati</u>

i) Laam Feᶜil

ii) Laam Amr

iii) Laam Ism

iv) Laam Harf

<u>Huraian Satu Persatu</u>

i) <u>Laam Feᶜil</u>

Iaitu Laam mati yang terdapat pada kata kerja ( فعل ) yang terdiri daripada Feᶜil Madi, Mudariᶜ dan Amr samada Laam itu wujud di tengah atau diakhirnya.

---

122) Duri dari Abu 'Amr membaca dengan Imalah, pada kalimat Annaas ( الناس ) dalam Surah Annaas ketika waqaf apabila majrur

| Laam di tepi | Laam Di tengah | Kata kerja |
|---|---|---|
| جعلنا ، قلنا | أَلْهَاكُمُ التَّكَاثُرُ (تكاثر : 1) | Madi |
| الم ، اقل ، اكرم | يلتقطه بعض السيارة (يوسف : 10) | Mudari |
| وقل ، اجعل ، اشدد | والق عصاك (النمل : 10)<br>قل تعالوا (انعام : 151)<br>فاجعل افئدة (ابراهيم : 31) | Amr |

Di dalam contoh di atas hukumnya dibaca dengan Izhār. Jika sesudahnya terdapat huruf Rā' atau Laam maka hukumnya adalah wajib diidghāmkan kerana persamaan makhraj di antara huruf Laam dengan Laam dan berhampiran makhraj di antara dengan Rā'. Contohnya :

قُل لَّكُم

قُل رَّبِّ ادْخِلْنِي

ii) Laam Amr

Laam Amr ialah Laam Mati yang hanya terdapat pada kata kerja dengan sharat didahului oleh huruf huruf berikut :

a) Huruf Fā', contohnya :-

فَلْيَنظُرِ الْإِنسَانُ مِمَّ خُلِقَ (الطارق : 5)

b) Huruf Wau, contohnya:-

وَلْيَأْخُذُوا أَسْلِحَتَهُمْ (النساء : 102)

c) Partikel Thumma ( ثُمَّ ), contohnya :

ثُمَّ لْيَقْضُوا تَفَثَهُمْ وَلْيُوفُوا نُذُورَهُمْ وَلْيَطَّوَّفُوا

بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ (الحج : ٢٩)

Hukum bacaannya wajib diiẓhārkan Laam oleh semua Qurra'.

iii) Laam Ism

Ialah Laam Sukun Asli yang menjadi sebahagian daripada kalimat . Hukumnya wajib dibaca dengan Iẓhar oleh semua Qurra'. Contohnya :

وَاخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَانِكُمْ (الروم : ٢٢)

وَجَنَّاتٍ أَلْفَافًا (النبأ : ١٦)

iv) Laam Ḥarf

Ialah Laam mati yang wujud pada akhir huruf.Hanya dua huruf sahaja dari jenis ini yang terdapat dalam struktur bunyi Al-Qurān iaitu Bal ( بَلْ ) dan Hal ( هَلْ ).

Ada dua hukum bacaan pada Laam Sukun Ḥarf ini iaitu :

a) Iẓhār

b) Idghām

Bacaan Idgham Laam apabila bertemu huruf Laam atau Ra' selepasnya contohnya :

أَلَمْ أَقُل لَّكُمْ (يونس : 96)

وَقُل رَّبِّ (اسراء : 24)

بَل رَّفَعَهُ (النساء : 155)

Bacaan Izhār Laam Sukun apabila bertemu selain daripada huruf Laam dan Rā'.

<u>Di bawah ini diperturunkan bacaan Qirāat.</u>

a) Riwayat Hafas daripada ʿAsim membaca Laam Sukun dengan saktah dalam qadar dua harakat pada

كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِم (مطففين : ١٤)

Kemudian memulakan bacaan Rā' berbaris atau Rā' tanpa tashdid ( تشديد ) mengikut Ṭariq Shatibiyyah. (123)

Mengikut Ṭariq Aṭṭayibah ( الطيبة ) boleh dibaca dua wajah :

i) Bacaan Idghām

ii) Bacaan Idghām serta saktah. (124)

b) Mengikut riwayat Duri dari Abū ʿAmr , Qalūn dan Warash dari Nafiʿ Al Madani dibaca idghām Laam ke dalam Rā' kerana asal kaedah meraka tanpa saktah.

كَلَّا بَل رَّانَ عَلَى قُلُوبِهِم . (المطففين : 14)

---

(123) Lihat <u>Al Irsyad Al Jaliah Fi Al Qiraʿat, Assabiʿe</u> m.s 492

(124) Lihat <u>Al Muhadhdhab Fī Al Qirāat, Al ʿAshr</u> m.s 327.

c) Duri membaca Idgham Laam sukun ke dalam ta' contohnya:

هل ترى من فطور ، هل ترى لهم من باقية

Dibaca Hattra هترى

Hanya di dua tempat sahaja dalam Al-Quran iaitu dalam Surah Al-Mulk ayat 3 dan Al-Haqqah ayat 8 , tetapi Hafas dan Warash membaca dengan Izhar (125)

## AL TAFKHIM WA AL-TARQIQ ( التفخيم والترقيق )

Huruf-huruf di dalam Al-Quran terbahagi kepada tiga kategori:

i) Tafkhim, yakni menebalkan huruf ketika pengujarannya.

ii) Tarqiq, yakni menipiskan bacaan huruf.

iii) Bacaan bebas samada secara Tarqiq atau Tafkhim.

### 1) Bacaan Tebal

Huruf-huruf tebal terdiri daripada 7 huruf yang terkandung dalam rangkai kata: خص ضغط قظ

### Kedudukan Lidah

Ia dikenali juga dengan huruf Isti'la'. Bacaannya hendaklah ditebalkan tanpa khilaf semua Qari.

Kedudukan lidah meninggi , terangkat kelelangit dikala menyebut salah satu huruf yang tujuh.

---

125) Lihat Kitāb Al Tadhkirah Fi Al Qirā'at m.s 109.

Dengan sebab mengangkatkan lidah ke lelangit itu meng^c^akibatkan bunyinya agak besar contohnya :

إن الله لا يحب كل مختال فخور (لقمان : ١٨)

غير المغضوب عليهم ولا الضالين (فاتحة : ٧)

Huruf-huruf Isti^c^la' mempunyai 5 Tingkatan bacaan tafkhim berpandu kepada kedudukan baris:

| CONTOH | JENIS HARAKAH | TKN. |
|---|---|---|
| طائفين ، طامة | اڤبيل حروف برباريس دان ـَ ا | PERTAMA |
| صبر | تاڤي تيدق برسام الڤ " " " " | KEDUA |
| ضُرب | ـُ ضمة " " | KETIGA |
| اضرب ، اقصص | ـْ سكون " " " | KEEMPAT |
| ضيانة | ـِ كسرة " | KELIMA |

2) **Bacaan Nipis**

Huruf yang terlibat dengan bacaan nipis digelar huruf-huruf Istifāl , ianya selain daripada huruf-huruf Isti^c^la' kecuali 3 huruf iaitu Alif , Lam dan Rā'. Ini kerana ketiga-tiga huruf itu boleh dibaca tebal dan nipis mengikut keadaan - keadaan yang tertentu.

3) **Bacaan tebal dan nipis**

3 huruf yang terlibat iaitu Alif, Laam dan Ra'

3.1) **Alif**

i) Alif dibaca dengan nipis apabila didahului oleh salah satu huruf Istifal. Contohnya:

كان ، كاد ، مال

ii) Alif dibaca dengan tebal jika didahului oleh huruf-huruf Isti'la'(tebal) Contohnya :

قال ، صال ، طال ، ضار ، خاد

3.2) **Laam**

Pada umumnya huruf Laam yang terdapat dalam Al-Quran dibaca nipis termasuk Lafaz Al-Jalalah yang mempunyai keadaan-keadaan berikut:

i) Apabila didahului oleh huruf yang berbaris Kasrah seperti :

لله الواحد القهار ( ابراهيم : 48 )

بسم الله الرحمن الرحيم

في دين الله أفواجا ( النصر : ٢ )

ii) Apabila didahului oleh huruf - huruf yang ber baris mati selepas huruf yang berbaris di bawah seperti:

ومن الناس من يجادل في الله ( الحج : ٨ )

وينجي الله الذين اتقوا بمفازتهم ، الزمر : 61 )

iii) Apabila didahului oleh huruf yang berbaris tanwin ( تنوين ) seperti : ( رسولا من (آل عمران : 164 )

**Penjelasan Mengikut Qiraat**

a) Riwayat Hafas , Qalun dan Duri menipiskan huruf Laam yang dikenal pasti ada lima jenis. (126)

i) Laam Al-Jarr ( لام الجر ) yang berhubung pada lafaz Allah, contohnya: وَلِلَّهِ

ii) Laam Lana ( لنا ), contohnya:

وَلَنَا أَعْمَالُنَا وَلَكُمْ أَعْمَالُكُمْ ( البقرة 139 )

iii) Laam yang berhampiran dengan huruf ṭa' ( ط ) dalam kalimat وَلْيَتَلَطَّفْ serta dijaga supaya Laam sakinah yang pertama dibaca nipis juga.

iv) Laam pada huruf 'Ala ( على ) contohnya عَلَى اللهِ sedangkan kalimat Allah di sini dibaca tebal.

v) Laam pada kalimah Wala ( ولا ) contohnya:

وَلَا الضَّالِّينَ

---

26) Lihat Haq Al-Tilāwah Halaman 140.

b) Riwayat Warash menebalkan Laam di dalam tilawahnya apabila Laam itu sakinah atau berbaris Fathah dan datang selepas salah satu huruf iaitu Saad( ), Ṭā'( ط ) dan Ẓā( ظ ) di dalam satu kalimat , contohnya:

عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ (الماعون : 4)

حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ (القدر : 5)

وَمَنْ أَظْلَمُ (الصف : 7)

Adapun ( وَيَظْلَلْنَ ) Shuʿarā': 33 , Laam yang kedua dalam kalimat ini dibaca dengan Tarqiq ( [illegible] ) kerana dua Laam berhimpun dalam satu kalimat. Warash juga membaca tebal Laam pada kalimat [illegible] iaitu apabila Laam didahului oleh salah satu huruf Ṭa'( ط ) atau Ṣod( ص ) dan diikuti oleh huruf Alif dan Laam selepasnya . Warash membaca tebal Laam yang terdapat di hujung kalimat ketika wasal atau waqaf dengnan sukun. Terdapat lapan tempat sahaja di dalam Al-Quran:

1) البقرة : 27 أَنْ يُوصَلَ

2) 249 ″ فَلَمَّا فَصَلَ

3) الأنعام 119 وَقَدْ فَصَّلَ

4) (الأعراف: 118)　　　بطل

5) (الرعد: 21)　　　أن يوصل

6) (النحل: 58)　　　ظلّ

7) (ص: 20)　　　فصل الخطاب

8) (الزخرف: 17)　　　فلا صدّق ولا صلّى

Pada ayat

Warash membaca dua wajah:

a) Dinipiskan bacaan Laam dengan imalah ( إمالة ) ( تقليل )

b) Ditebalkan Laam tanpa Imalah Alif.

__Laam Lafaz Al-Jalalah__ ( الله )

1) Dibaca nipis Laam Kedua apabila lafaz itu di dahului dengan baris kasrah (di bawah):

أعوذ بالله ، بسم الله

قل اللهم (آل عمران: 26)

قل لله المشرق والمغرب (البقرة 142)

2) Dibaca tebal Laam apabila didahului oleh baris fathah ( ـَ ) atau dammah ( ـُ ).

Rajah



Lokasi Lidah menyebut Laam dengan tebal



Kedudukan Lokasi Lidah menyebut Laam dengan nipis

Penghayatan pengujaran Laam tebal pada lafaz Al Jalalah terdapat di dalam surah Al-Iklas.

قُلْ هُوَ اللّٰهُ أَحَدٌ ، اللّٰهُ الصَّمَدُ

Perlu diperhatikan juga bahawa wajib dibaca nipis Laam pada ( اللّٰهُ الصَّمَدُ ) apabila dibaca wasal ayat pertama dengan ayat kedua cara membacanya:

قُلْ هُوَ اللّٰهُ أَحَدُنِ اللّٰهُ الصَّمَدُ

**Kesimpulannya**

1) Ditebalkan sebutan Laam pada lafaz Al-Jalalah ( الله ) apabila sebelumnya baris fathah ( ـَـ ) seperti :

ماشاء الله

قال الله

atau sebelumnya baris hadapan seperti:

عبدُ الله

حكمُ الله

نصرُ الله

atau sebelumnya baris mati yang datang selepas baris hadapan seperti:

قالوا اللهم

2) Dinipiskan sebutan Laam pada lafaz Al-Jalalah seperti berikut:

(2.1) Apabila datang sebelumnya baris bawah seperti

بالله ، في دين الله ، قل اللهم

(2.2) Apabila didahului sukun ( ـْـ ) selepasnya baris bawah seperti:

في الله ، ويحيي الله

(2.3) Apabila didahului oleh huruf berbaris tanwin ( تنوين ) seperti, وما الله

**Hikmat dinipiskan Laam**

1) Lidah menjadi keberatan untuk membaca tinggi selepas membaca rendah.

2) Supaya ringan lidah untuk membacanya.

**Hikmat ditebalkan Laam**

1) Untuk mengagungkan kebesaran nama Allah.

2) Lidah memang ringan menyebutnya kerana penyesuaian dengan baris fathah ( ـَـ ) dan dammah ( ـُـ ) di hadapan sebelum lafaz Al-Jalalah . Jadi peranan lidah tidak keberatan mengangkat ke lelangit.

3.10 **Hukum Ra'**

Huruf Ra' ialah satu-satunya huruf bergetar lidah ( تكرير ) ketika menyebutnya dan ia termasuk salah satu huruf yang bersuara ( مجهور ).

Hukum bacaan Ra' terbahagi kepada tiga:

1) Bacaan tebal

2) Bacaan nipis

3) Bacaan bebas samada tebal atau nipis ( )

## Bilakah bacaan Rā' ditebalkan?

Ada beberapa sebab seperti berikut :

1. Apabila Ra' berbaris fathah ( di atas ) seperti :

   الرحمن الرحيم

   atau Ra' berbaris dammah ( di depan ) seperti :

   أفلا يبصرون (السجدة : 27)

2. Apabila Rā' mati didahului fathah atau dammah atau huruf mati selain daripada Ya' seperti:

   برهان من ربكم (النساء : 174)

   ليلة القدر (القدر : 1)

3. Apabila Rā' mati selepas Hamzah Wasal mutlaq seperti

   ارجعوا الى ابيكم (يوسف : 81)

   لمن ارتضى (الأنبياء : 28)

   أم ارتابوا (النور : 50)

4. Apabila Ra' mati sebelumnya Kasrah asli dan selepas Ra' huruf Isti'la'. Contohnya,

   قرطاس (الأنعام : 7)

   مرصاد (الفجر : 14)

Huruf Isti'lā' boleh dirumuskan di dalam

خص ضغط قظ

**Bilakah bacaan Ra' dinipiskan?**

Ada beberapa sebab seperti berikut :

1. Apabila Rā' berbaris di bawah seperti:

ومن شر حاسد إذا حسد ( الفلق : 5 )

الفقراء ( توبة : 60 )

فرحين ( آل عمران : 170 )

2. Apabila Ra ' mati sebelumnya kasrah asli samada berhubung dalam satu kalimat dan tidak berhubung selepasnya oeh mana-mana huruf Isti'la' yang berbaris di hadapan atau di atas seperti :

[illegible] ( [illegible] : 19 )

[illegible] ( [illegible] 50 )

وفرعون ذي الأوتاد ( الفجر : 10 )

3. Apabila Ra' mati disebabkan waqaf dan di dahului Ya' Sakinah samada Ya' mad atau ya' diftong seperti :

إن الله على كل شيء قدير ( البقرة : 20 )

وهو السميع البصير ( غافر : 56 )

4. Ra , Majrehā ( مجريها ) Surah Hud ayat 40 . Kerana Ya' selepas Ra' dibaca Imalah Kubra mengikut riwayat Hafas . (127) Warash , Qālūn dan Duri membaca

مجراها

---

7) Hafas, Hamzah dan Al Kisaiyy membaca مجريها selain daripadanya membaca مجراها .
Lihat Al Mabsūt Fī Al Qirā'āt Al 'Ashr m.s 238.

Para Qurra bersepakat **mewakafkan Rā' yang ada pada akhir kalimat.** Di sini keadaan Rā ' itu akan melahirkan tiga jenis hukum.

**Hukum Pertama :**

Dibacakan nipis Rā' dalam keadaan waqaf dengan sukun apabila:

a) Keadaan Rā ' sebelumnya berbaris di bawah seperti :

قَدِرْ (القمر : 12)

مُسْتَقِرّْ (القمر : 3)

b) Keadaan Ra ' yang didahului oleh Ya' sakinah samada mad atau diftong seperti :

لا ضير (شعراء : 50)

قدير (آل عمران : 26)

c) Didahului oleh huruf Imalah bagi Qari-qari yang membacanya seperti :

هار (توبة : 159)

ابرار (آل عمران : 193)

**Hukum kedua :**

Dibaca tebal Rā' dalam keadaan waqaf sebelumnya baris atas atau baris di depan atau mati . Hal itu boleh dirujukkan kepada Surah Al-Kauthar dan beberapa contoh yang lain. Seperti:

إنّا أعطيناكَ الكَوْثَرْ، فصلّ لربك وانحر

إنّ شانئكَ هُوَ الأبتَرْ .

النُّذُرْ ، القَمَرْ ، الفَجْرْ ، القَصْرْ ، القَدْرْ ، الصَّبْرْ .

Hukum Ketiga:

Harus dibaca nipis atau tebal Ra' dalam keadaan waqaf apabila didahului oleh Sukun di dalam kalimat-kalimat berikut:

i) مِنْ مِصْرَ ( Yusof ayat 87 ) bacaan tebal lebih baik kerana Ra' pada kalimat ini wajib dibaca tebal ketika wasal.

ii) عَيْنَ الْقِطْرِ ( Saba' ayat 12 ) . Bacaan Ra' lebih baik dinipiskan ketika wasal.

iii) يَسْرِ ( Al-Fajr ayat 4). Bacaan Ra' lebih baik dinipiskan ketika wasal.

iv) مِنْ كُلِّ أَمْرٍ ( Qadr ayat 4 ) . Bacaan Ra' lebih baik dinipiskan ketika wasal.

v) النُّذُرُ ( Qamr ayat 5 ) . Bacaan Ra' lebih baik dinipiskan ketika wasal.

Kesimpulannya ialah harus dibaca Ra' ( ketika wasal ) seperti dibawah:

| Kalimat | Tebalkan | Nipiskan |
|---|---|---|
| مصر | ✓ | |
| قطر | | ✓ |
| يسر | | ✓ |
| أمر | | ✓ |
| نذر | | ✓ |

Huraian jenis hukum Ra' di atas adalah mengikut riwayat Hafas

**ukum Ra' mengikut riwayat Warash dari Qirāat gurunya Nafiᶜ.**

Dalam fasal yang lalu penulis telah menerangkan bahawa awi yang mashhur dari Qirāat Nafiᶜ ialah warash dan Qālūn . i bawah ini diperturunkan hukum bacaan Rā' mengikut Imām afiᶜ Almadaniyy. Ada tiga keadaan :

) Bacaan Rā' dinipiskan apabila Ra' dibariskan di bawah ( maksurah ) seperti: اهل الذكر (نحل: 43)

رجال (بقرة: 239)

atau Rā' mati sebelumnya huruf berbaris di bawah kasrah lāzimah seperti : فِرْعَوْن (تحريم: 11)

فِرْدَوْس (كهف: 107)

مِرْيَة (سجدة: 32)

شِرْعَة (مائدة: 48)

) Bacaan Ra' ditebalkan apabila Rā' berbaris di atas , berbaris di hadapan atau berbaris mati . Misal Rā' berbaris di atas seperti:

رَبِّ العالمين (فاتحة: 1)

رَجَعْنا الى المدينة (المنافقون: 8)

manakala misal Rā' berbaris di hadapan ialah :

عظاما ورُفاتا (الاسراء: 49)

والقمر بحسبان (الرحمن: 5)

dan misal Ra' berbaris mati ialah :

وان قيل لكم ارْجعوا (نور: 28)

وفجّرْنا الارض عيونا (قمر: 12)

Hukum keadaan Ra' maksurah ini dibaca tebal oleh semua Qari'.

3) Khilaf bacaan Rā', ditebalkan atau dinipiskan apabila Rā' dibariskan di hadapan atau berbaris di atas.

3.1 Mengikut **riwayat Warash** dari Imam Nafi' , Rā' itu dibacakan dengan nipis sedangkan mengikut riwayat **Qalūn** dari Imam qirā'at yang sama Rā' itu dibaca dengan tebal.

Mengikut Warash juga Rā' dibaca nipis disebabkan oleh dua keadaan:

**Keadaan I**

Apabila Rā' Madmumah atau Maftuhah yang didahului oleh Yā' sakinah , samada Yā' itu mad atau diftong.

Contoh untuk Yā' sakinah diftong:

وافعلوا الخير ( الحج : 77 )

طيرا أبابيل ( فيل : 3 )

Contoh Yā' Sakinah mad :

انه كان بعباده خبيرا ( الاسراء : 30 )

وهو على كل شئ قديرا ( الملك : 1 )

Warash menebalkan sebutan Ra' apabila Ya' sakinah jatuh selepas Rā' seperti : ( كهف : 60 ) حجرين

pada kalimat حيران di dalam ayat

كالذى استهوته الشياطين فى الأرض حيران ( الأنعام : 71 )

Warash membaca nipis atau tebal pada Ra'.

Keadaan II

Apabila Rā' yang berbaris di hadapan atu berbaris di atas itu jatuh selepas kasrah lāzimah contohnya :

إنما أنت منذر من يخشاها (النازعات : 45)

ناضرة الى ربها ناظرة (قيامة : 23)

Warash menebalkan Rā' pada ayat (هود ٩٧) رشيد
فصل لربك (كوثر : ٢)

disebabkan Rā' didahului oleh kasrah 'Ariḍah ( عارضة )

dengan kata yang lain Rā' itu didahului oleh huruf Jārr.

Di sana ada lima tempat di mana Warash mengecualikan membaca nipis Rā' maftuhah dan Madmumah selepas kasrah:

i) Apabila berlaku di antara kasrah dan Rā' itu huruf Istiᶜlā' selain huruf Khā', maka Rā' itu ditebalkan semasa pengujarannya seperti:

مصر ، إصرا ، وقرا

فرق ، قطرا

Apabila Rā' yang didahului oleh kasrah itu diselangi huruf Khā' maka hendaklah dinipiskan huruf Rā' itu ketika bacaan seperti : إخراج

Sebagaimana yang dimaklumkan dalam fasal yang lalu huruf Istiᶜlā' iaitu خص ضغط قظ

ditebalkan sebutan Rā' Madmumah dan Maftuhah apabila didapati sebelumnya huruf sakinah selain daripada huruf Isti'lā' seperti:

لا إكراه في الدين ( بقرة : 256 )

إن هذا إلا سحر يؤثر ( مدثر : 24 )

إن هو إلا ذكر للعالمين ( تكوير : 27 )

ii) Ditebalkan sebutan Rā' pada kata nama 'Ajam seperti :

(128) إرم ذات العماد ( الفجر : 7 )

يا بني إسرائيل ( صف : 6 )

وآل عمران ( آل عمران : 33 )

واتخذ الله إبراهيم خليلا ( النساء : 125 )

iii) Konsonan Rā' berulang-ulang di dalam satu kalimat seperti :

والذين اتخذوا مسجدا ضرارا ( توبة : 107 )

وأسررت لهم إسرارا ( نوح : 9 )

لوليت منهم فرارا ( كهف : 18 )

يرسل السماء عليكم مدرارا ( هود : 52 )

iv) Rā' yang jatuh sebelum huruf Isti'lā' yang terhad kepada tiga hurufnya iaitu Ṭa' ( ط )/ Dhad ( ض )/ Qaf ( قاف ) seperti:

اهدنا الصراط المستقيم ( فاتحة : 6 )

وإن كان كبر عليك إعراضهم ( انعام : 35 )

يسبحن بالعشي والإشراق ( ص : 18 )

قال هذا فراق بيني وبينك ( كهف : 78 )

---

(128) Khilaf Ahli bahasa antara kata nama 'Ajam dengan kata nama Arab.

Qirāat Abū 'Amr mengikut riwayat Dūri dan Sūsi, membaca IRAM( إرم ) Rā' dua wajah nipis atau tebal.

v) Bab sistra ( باب يسترا ) yakni setiap kata nama yang berwazan Feʿlan ( فعْلا ) yang diakhirnya huruf Rā' berbaris tanwin di atas. Ada enam kalimat berwazan begitu di dalam Al-Qurān iaitu:

ذكرا، سترا، حجرا، وزرا، إمرا، صهرا .

Contoh dalam bentuk ayat Al-Quran:

i) يا ايها الذين آمنوا اذكروا الله ذكرا كثيرا (احزاب: 41)

ii) لم نجعل لهم من دونها سترا (كهف: 90)

iii) ويقولون حجرا (فرقان: 22)

iv) من اعرض عنه فانه يحمل يوم القيامة وزرا (طه: 100)

v) لقد جئت شيئا إمرا (كهف: 71)

vi) فجعله نسبا وصهرا (فرقان: 54)

Mengikut riwayat Warash wajib menipiskan Rā' ketika bacaannya berdasarkan dua sebab:

a) Apabila Rā' berbaris di bawah secara mutlak.

b) Apabila Rā' didahului oleh Yā' sakinah atau berbaris di bawah dalam satu kalimat samada bacaan ketika Wasal atau Waqaf seperti:

بشيرا ونذيرا (بقرة: 119)

يومئذ ناضرة (قيامة: 22)

Warash membaca tebal huruf Rā' pada kalimat :

(البقرة ٢٣١) في ريب (الاسراء ٩٣) لرقيك

(طور ٣) في رق منشور

(مائدة ٦) برؤوسكم

(هود ٩٧) برشيد

(ال عمران ٤٣) لربك

(بقرة ٢٦٥) بربوة

Mengikut kaedah apabila Rā' berbaris hadapan atau berbaris di atas dan didahului oleh Yā' sakinah atau huruf jarr berbaris kasrah bukan dalam satu kalimat maka wajib ditebal akan huruf Rā' itu.

Begitu juga kalima الخيرة kerana Yā' yang mendahului Rā' tidak sakinah.

Apabila keadaan Rā' dan kasrah didahului oleh huruf mati selain daripada 6 huruf Isti'lā'. Warash membaca dengan nipis Rā' seperti: واخراج اهله (بقرة ٢١٧)

اجرامي وانا بريء مما تجرمون (هود ٣٥)

Pada kalimat

١. انها ترمي بشرر (المرسلات ٣٢)

ب. غير اولي الضرر (النساء ٩٥)

Warash membaca nipis huruf Rā' yang pertama disebabkan kasrah yang kedua dan membaca tebal huruf Rā' yang pertama pada ( ضرر ) disebabkan wujud dua huruf yang membawa Tafkhīm iaitu huruf Ḍad ( ض ) isti'lā'.

Huruf Ra' Maftuhah seperti huruf Istiʾlā' ( ضرر ) maka kekuatan Tafkhīm mengatasi Tarqīq , berbeza dengan kalimat بشرر .

Warash membuat kaedah bahawa setiap Rā' yang ber baris atas atau hadapan yang jatuh selepas kasrah lāzimah atau Yā' sakinah maka Rā' itu hendaklah dinipiskan.

Setiap Alif yang ditukar dari Yā' maka Qirā'at Hamzah dan Kisa'iyy membacanya dengan Imālah . Adapun mengikut riwayat Warash dia membaca dengan Taqlīl ( تقليل ). (129)

Dūrī dan Hafas bersepakat mengenai semua hukum Rā' cuma Dūrī menambah pada Rā' yang mati sebelumnya huruf Laam , lalu dibaca dengan Idghām ( ادغام ). Contohnya:

فاصبر لحكم ربك (الانسان ، 48)

واصبر لحكم ربك

Dibaca فاصبلحكم

Mengikut riwayat lainnya dibaca dengan Izhār.

---

(129) Lihat Abdul Fatah Al Qadi , **Al Budūr Al Zāhirah** , m.s 5

## HUKUM NUN SAKINAH DAN TANWIN

### Iqlāb.

Maknanya ialah menukarkan Nun Sakinah atau tanwin kepada Mim ketika tilawahnya apabila bertemu dengan huruf Bā'.

Cara pengujarannya hendaklah menyembunyikan Nun Sakinah atau tanwin serta mengekalkan Ghunnah ( غُنَّة ) pada huruf Mim sekadar dua harakat.

Huku Iqlāb terdapat pada satu kalimat atau dua kalimat . Tanda atau alamat bacaan iqlab di dalam mushaf Al-Quran biasanya ditulis huruf Mim di atas Nun sakinah atau Tanwin. Untuk ketepatan pengujaran yang betul mesti lah Talaqqi dengan guru yang murshid. Contohnya:

مِنۢ بَعْدِ (البقرة : 27)

سَمِيعٌۢ بَصِيرٌ (الحج : 61)

ذُرِّيَّةًۢ بَعْضُهَا مِنۢ بَعْضٍ (ال عمران : 32)

Untuk menghayati bacaan iqlab yang menyeluruh contohnya:

سَأَلَ سَائِلٌۢ بِعَذَابٍ وَاقِعٍ (معارج : 1)

هَمَّازٍ مَّشَّاءٍۢ بِنَمِيمٍ (القلم : 11)

وَلَمْ أَكُنۢ بِدُعَائِكَ (مريم : 4)

## Ikhfā'

Menyurutkan Nun sakinah atau Tanwin pada salah satu huruf ikhfā' yang mana bilangannya sebanyak lima belas huruf yaitu:

ت / ث / ج / د / ذ / ز / س / ش / ص / ض / ط / ظ /

ف / ق / ك / « سنجز صدك فتق ضطظ شذ »

## Cara tilawahnya

Hendaklah disembunyikan Nun sakinah atau tanwin serta didengungkannya dalam kadar dua harakat dengan sempurna tanpa tashdid dan tanpa terangkat lidah.

Sifat bacaan Ikhfā' ialah sifat antara Iẓhār dengan Idghām . Berlakunya Ikhfā' pada satu kalimat atau dua kalimat seperti:

عِنْدَ

لِمَنْ صَبَرَ

Semua Qurrā' bersepakat tentang hukum Ikhfā' dan Iqlāb serta cara bacaannya.

Berikut jadual bagi keterangan jumlah hukum bacaan Nun Sukun dan Tanwin:




**Kesimpulan:**

Hukum dan jumlah huruf bagi Nun Sukun dan Tanwin adalah sebagai berikut:

1. Izhar Halqi: 6 huruf
2. Idgham:
   (i) Idgham Ma'al Ghunnah: 4 huruf
   (ii) Idgham Bila Ghunnah: 2 huruf
3. Iqlab: 1 huruf
4. Ikhfa' Haqiqi: 15 huruf

Jumlah huruf hijaiyah 28 huruf

**Kesimpulan:**

Hukum dan jumlah huruf bagi Mim Sukun adalah sebagai berikut:




48

Mad Wa Qaṣr ( مَدّ وقَصْر )

Mad

Menurut tatabahasa Mad maknanya lebih atau tambahan ( زِيادَة ).

Menurut iṣtilaḥ Qurrā' ialah memanjangkan kadar bunyi huruf Mad , iaitu Alif, Ya' dan Wau bila bertemu Hamzah atau Sukun.

Qasr pula bererti memendekkan kadar bunyi huruf Mad tidak lebih dari pada kadar yang ditentukan.

Huruf Mad ada tiga

i) Alif mati sebelumnya berbaris di atas seperti :

قَال ، اللّه ، إيّاكَ

ii) Ya' mati sebelumnya berbaris di bawah seperti :

الرحيم ، الدين

iii) Wau mati sebelumnya berbaris di hadapan seperti :

يَعْلَمُون

Para Qari membahagikan Mad kepada dua iaitu Mad Asli ( أَصْلِي ) dan Mad Far<sup></sup>ᶜiyy ( فَرْعي ).

Pengujaran Mad Asli

Yang dimaksudkan dengan kalimat Mad di sini ialah Mad Farᶜie , sedangkan kalimat Qasr ialah Mad atau Mad Tabiᶜie.

1. Mad Asli

Kadar pengujaran Mad Asli ketika membaca Al-Quran ialah satu alif atau dua harakat samada dibaca ketika Wasal atau Waqaf contohnya :

qaala قَالَ

qiila قِيلَ

quuluu قُولُوا

Keadaan Mad Asli tidak bergantung kepada apa-apa sebab selain daripada wujudnya huruf-huruf Mad itu di dalam satu kalimat , sedangkan satu-satu kalimat itu memerlukan kepadanya.

Dinamakan Mad Asli kerana hurufnya itu adalah daripada asal kalimat (kata dasar), Mad ini dinamakan juga Mad Tabiᶜiyy kerana bagi pembaca yang mahir mereka tidak mengurangkan kadar panjang dua harakat itu yang sudah menjadi tabiat atau darah daging mereka.

Kadangkala ia juga dipanggil Mad Zāti kerana Mad ini memang terdiri daripada zat huruf itu sendiri.

2. **Mad Farᶜiyy**

Maksudnya ialah memenjangkan huruf Mad melebihi Mad Asli disebabkan berhimpun huruf Mad dengan Hamzah atau Sukun selepasnya.

**Pembahagian Mad Farᶜiyy**

i) Disebabkan Hamzah.

ii) Disebabkan Sukun.

iii) Mad disebabkan Hamzah berlaku apabila datangnya Hamzah selepas huruf Mad, dan ia terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu:

(a) **Mad Wajib Muttaṣil**

Iaitu selepas huruf Mad ada Hamzah dalam satu kalimat. Dinamakan Mad tersebut kerana semua Qurra bersepakat mewajibkan bacaan panjang melebihi daripada Mad asli, hanya mereka khilaf pada kadar panjangnya. Contohnya:

وَأَحَاطَتْ بِهِۦ خَطِيٓـَٔتُهُۥ (بقرة : ٨١)

سُوٓءَ الْعَذَابِ (بقرة : ٤٩)

Keterangan Kadar Panjang Mad tersebut menurut Imam-imam Qiraat.

Menurut riwayat Hafas dalam Qiraatnya kadar panjang Mad ialah empat harakat atau lima ketika wasal dan enam harakat ketika waqaf. Contohnya :

(130) إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ (نصر: ١)

Menurut riwayat Warash dalam Qiraatnya kadar panjang Mad ialah enam harakat samada ketika wasal atau waqaf.

Manakala Qalun membaca dengan kadar empat harakat pada kedua dua keadaan. (131)

(b) Mad Jaiz Munfasil. ( مَدّ جَائِز مُنْفَصِل )

Ialah selepas huruf Mad ada Hamzah di dalam kalimat yang berlainan.

Dinamakan Mad Jaiz kerana ianya diharuskan baca pendek atau panjang ( dua harakat atau empat/lima ) maka timbullah perbezaan para Qari mengujarkan pada kadar Madnya. (132).

---

130) Burhan Fi Tajwid Al-Quran Halaman 46

131) Al Irsyadat Al Jaliah Fi Qiraat Alsabie' Min Tariq Alshatibiah halaman 25

132) Lihat Al Irsyadat Al Jaliah Fi Al Qiraat Alsabie' Halaman 25 . Mengikut Tariq Al-taiyyibah Al Jazariyy, Mad Jaiz Munfasil boleh 2/4/6.

Lihat juga Al Muhadhdhab Al 'Ashr Fi Al Qiraat m.s 38.

Hafas membaca Mad Jaiz empat harakat atau lima mengikut Ṭarīk Shatibiah. Manakala Qālun, Dūrī dan Abū ʿAmr membaca Mad Jaiz dengan kadar dua atau empat harakat ( الْقَصْرُ أَوِ التَّوَسُّطْ ).

Manakala Warash membaca dengan kadar enam harakat. ( إِشْبَاع ) Contoh Mad Jaiz.

1. يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ ( مُدَّثِّر ١: )

2. وَفِي أَنْفُسِكُمْ ( ذَارِيَات ٢١: )

3. تُوبُوا إِلَى اللَّهِ ( تَحْرِيم ٨: )

2) Mad disebabkan Sukun terbahagi kepada dua:

2.1 Mad Lazim kerana Sukun berlaku apabila selepas huruf Mad ada huruf yang sakinah. Kadar bacaan nya enam harakat mengikut semua Qari. Seperti:

آلْآنَ وَقَدْ كُنْتُمْ ( يُونُس ٩١: )

آلْآنَ وَقَدْ عَصَيْتَ ( يُونُس ٩١: )

Perlu diperhatikan bahawa huruf yang berganda ( تَشْدِيد ) berasal dari dua huruf yang sama yang mana huruf pertama sakinah manakala yang kedua berbaris.

2.2 Mad disebabkan Sukun ʿaridٖ. ( عارض ) berlakunya ketika waqaf selepas huruf Mad atau Liin (diftong). Dengan kata lain, waqaf bacaan diakhir huruf kalimat yang didahului oleh salah satu huruf Mad Ṭabiʿiyy. (133) seperti:

الأعقاب

خَالِدُون

خَيْر

Maka hukumnya harus dibaca dengan salah satu daripada tiga wajah :

i) القَصْر : Dua harakat

ii) التَوَسُّط : Empat harakat

iii) الطُّوْل : Enam harakat

Dinamakan Mad ʿAriḍ kerana ia berlaku ketika waqaf , tetapi jikalau ia dibaca wasal ia tetap Mad Ṭabi'iyy yang mana kadar Madnya ialah dua harakat ( قَصْر ).

Perhatian.

a) Wajib diselaraskan bacaan salah satu bacaan, salah satu wajah Madnya apabila berhimpun banyak Mad ʿAriḍ kerana sukun pada satu bacaan, seperti membaca Surah Al Fātihah wakaf mengikut Fawaṣilnya.

العالمين * الرحيم * الدين * نستعين * مستقيم * الضالين .

---

133) Lihat Tatbīqāt Nahwiah Wa Balaghiah Juzu' 4 m.s 721

b) Begitu juga Mad 'Arid kerana sukun yang di dahului oleh huruf Liin sahaja maka bacaan wakafnya mengikut Fawāsil, seperti dalam Surah Quraish.

قُرَيْشٍ * الصَّيْفِ * الْبَيْتِ * خَوْفٍ

Semua qari mengharuskan wakaf dengan mematikan huruf terakhir dengan kadar Madnya dua atau empat atau enam . Dan wakaf dengan Ishmām pada keadaan huruf akhir yang diwakafkan itu berbaris hadapan , dengan kadar Mad 2/4/6 seperti :

Nasta'inu - 2 harakat

Nasta'iiinu - 4 "

Nasta'iiiiinu- 6 "

dan tidak harus wakaf dengan Raum ( رَوْم ) melainkan dengan kadar Madnya kurang daripada dua harakat sahaja.

Apabila berhimpun dua Mad disebabkan Hamzah di dalam satu ayat diwakafkan bacaan atas Mad yang kedua ( Mad Muttasil ) secara wakaf ' Arid Lissukun maka timbul dua keadaan dari segi Madnya , contohnya:

رَبَّنَا إِنَّكَ تَعْلَمُ مَا نُخْفِي وَمَا نُعْلِنُ وَيَخْفَى عَلَى اللهِ شَيْءٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ ( ابراهيم : 38 )

Keadaan I.

Mad I dibaca dengan wajah Tawassut iaitu empat harakat , Mad II dibaca ketika wakaf salah satu tiga wajah:

i) Tawassuṭ( تَوَسُّط ) beserta Ishmam.

ii) Taul ( طُوْل ) beserta Ishmam.

iii) Tawassut sahaja bila wakaf berserta Raum ( رَوْم )

Keadaan II.

Mad I dibaca dengan wajah فُوَيْقَ التَّوَسُّط (5 harakat)

Mad II dibaca salah satu tiga wajah.

(i) Lima harakat.

(ii) Enam harakat apabila wakaf dengan Iskan semata-mata atau beserta Ishmām.

(iii) Lima harakat sahaja bila wakaf beserta Raum ( رَوْم )

Apabila berhimpun Mad 'Ārid Lissukūn yang di dahului huruf Liin sahaja seperti ( ضَيْر ) dengan Mad 'Ārid Lissukun yang didahului huruf Mad dan Liin seperti ( أَجْمَعِين ). Disarankan kepada Qārī supaya mewakaf kepada salah satu daripada dua wajah dan keadaan berpandu kepada salah satu kaedah yang telah diputuskan oleh Qurrā' dibawah ini :

1) Qasr Liin sahaja serta Qasr Mad dan Liin.

2) Qasr Liin sahaja serta Tawassut Mad dan Liin.

3) Qasr Liin sahaja serta Taul ( طول ) Mad dan Liin.

4) Tawassut Liin sahaja serta Tawassut Mad dan Liin .

5) Tawassut Liin sahaja seta Taul ( طول ) Mad dan Liin .

6) Taul ( طول ) Liin sahaja serta Taul ( طول ) mad dan Liin.

Berdasarkan enam kaedah di atas boleh diperaktikan semua contoh ayat-ayat di bawah ini :-

لَأُقَطِّعَنَّ أَيْدِيَكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ مِنْ خِلَافٍ وَلَأُصَلِّبَنَّكُمْ أَجْمَعِينَ . . (الشعراء 49،50)

ذٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِلْمُتَّقِينَ (بقره 2:)

3. **Mad Badal.**

Terjadinya Mad Badal apabila huruf Mad berhimpun bersama Hamzah yang mana Hamzah mendahului di dalam satu kalimat. Contohnya:

| | | |
|---|---|---|
| ءَادَمَ | Asalnya | أَأْدَمَ |
| ءَامَنُوا | Asalnya | أَأْمَنُوا |
| إِيمَان | Asalnya | إِإْمَان |

Semua Qurrā' membaca dengan qadar Mad 2 harakat melainkan Warash membaca salah satu daripada tiga wajah / إِشْبَاع / تَوَسُّطْ / قَصْر

Adapun Mad Badal yang wujud pada tiga keadaan di bawah ini,Warash mengecualikan kadar Mad Tawassut dan Ishbā' iaitu empat dan enam . Semua Qurrā' membaca dengan dua harakat.

(a) Apabila tanwin yang ditukar kepada Alif ketika wakaf seperti: دُعَاءً ، هُـزُوًا

(b) Apabila terdapat sakinah ṣaḥiḥ sebelum Hamzah dalam satu kalimat seperti : القُرْآن ، الظَّمْآن ، مَسْئُولًا

(c) Huruf Mad yang jatuh selepas Hamzah Wasal pada permulaannya, ( إِبْتِدَاء ) seperti : أُوتُمِنَ - إِيتِ dalam satu kalimat di dalam dua kalimat seperti : بَنِي إِسْرَائِيل

. **Mad 'Iwad.**

Iaitu Mad dalam bentuk wakaf atau tanwin yang berbaris di atas ketika dibaca dengan Alif semasa wakaf seperti, عَلِيمًا ، حَكِيمًا dibaca Alima, Hakima.

Kadar bacaan Madnya tidak melebihi dua harakat oleh semua Qari (134)

. **Mad Silah.**

Ialah Ha' Ḍamir yang menunjukkan kepada ganti nama yang ketiga ( dia) bagi Mudhakkar yang wujud pada akhir kalimat seperti, رَبَّهُ - آتَيْنَاهُ

**Ada lima keadaan Ha' Ḍamir.**

5.1) Apabila Ha' berbaris dan sebelumnya berbaris hadapan seperti( لَا تَأْخُذُهُ )dibaca lata khudhuhu.

---

34) Lihat Dr. Abd Salam Muhaisin : **Al Muhadhdhab** m.s.26 .

5.2) Apabila Ha' berbaris dan sebelumnya berbaris di bawah seperti( يُضِلُّ بِهِ ) di baca yudillubihī.

Bacaan Mad pada Ha' ḍamir di atas sama dengan kadar Mad Ṭabiʿiyy iaitu dua harakat . Maka Mad tersebut dinamakan Mad Ṣilah Sughra/Qaṣirah.

5.3) Apabila Ha' berbaris dan sebelumnya juga berbaris serta selepasnya ada Hamzah seperti( مَالَهُ أَخْلَدَهُ ) bentuknya yang sama dengan Mad Munfasil,maka dinamakan Mad Silah Kubra \ Ṭawīlah .

Hafas membaca 4 harakat, Qālūn dan Dūrī membaca Mad ini dengan kadar 2 atau 4 harakat manakala Warash membaca sebanyak 6 harakat.

5.4) Tidak harus me ' Mad ' kan ha' yang berbaris jika sebelum nya mati seperti إِلَيْهِ ، مِنْهُ dibaca ilaihi, minhu.

5.5) Tidak haruf me'Mad'kan ha' bila ia berbaris sukun seperti ( عَنْهْ ) ketika wakaf.

Hafas membaca Mad pada damir hā' yang ada baris mati sebelumnya pada satu ayat sahaja iaitu di dalam Surah Al Furqān ketika wasal ( وَيَخْلُدْ فِيهِۦ مُهَانًا ) dibaca fīhīmuhānā.

Bacaan Hafas sama dengan bacaan Ibn Kathīr ( ابن كثير ) sedangkan Qirāat lain membaca tanpa silah hā'.

6. **Mad Tamkin.**

Ia berlaku apabila berhimpun dua huruf Yā' yang mana Yā' pertama bertashdid dan berbaris di bawah manakala Yā' yang kedua berbaris mati.(135) Seperti:

(86 : نساء) حُيِّيتُم

(61 : بقرة) النَّبِيِّينَ

Dinamakan juga Mad Tamkin apabila huruf Mad bertemu huruf yang sama dengan Yā' yang berbaris seperti,

(200 : ال عمران) اِصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللّٰهَ

(83 : الزخرف) الذى يوعدون

(5: النّاس) الذى يُوَسْوِسُ فيه

---

(135) Mengikut riwayat Waras dari gurunya Nāfi' pada kalimat النبيين dibaca النبيئين enam harakat . Qirāat selainnya membaca النبيين dalam qadar dua harakat. Lihat Doktor Abul Fatah m.s 315.

(136) Lihat Haq Al Tilāwah m.s 155.

7) **Mad Farq** ( مد فرق )

Iaitu Mad untuk memperbezakan diantara dua Hamzah , Hamzah Istifham dan Hamzah Takrif Alkhabar ( الخبر ). Madnya wajib dipanjangkan tidak melebihi tiga alif atau enam harakat oleh semua qari. Contohnya :

قل الذكرين حرم أم الانثيين

قل ء ...... الذكرين asalnya.

Mad ini hanya terdapat empat tempat sahaja di dalam Al Qurān:

1. (143: الانعام) قل آلذكرين حرم أم الأنثيين

2. (143: الانعام) قل آلذكرين حرم أم الأنثيين

3. (59: يونس) قل آلله أذن لكم

4. (59: النمل) ءآلله خير أما يشركون

**Mad Ta'zim ( مد تعظيم )**

Iaitu huruf Mad yang wujud pada kalimat Laam Nafiah bagi penafian ketuhanan selain daripada Allh S.W.T.

Contohnya :

. لَآ إِلٰهَ إِلَّا اللّٰه

. لَآ إِلٰهَ إِلَّا أَنْتَ

Ia adalah jenis Mad Munfasil , kadar bacaan madnya sila rujuk pada penjelasan Mad Munfasil.

**Mad Lazim( مد لازم )**

Mad Lazim terbahagi kepada empat bahagian :

a) **Mad Lazim Kalimi Muthaaqqal ( مد لازم كلمي مثقل )**

Iaitu huruf Mad yang disusuli huruf bertashdid dalam satu kalimat. Contohnya :

| | |
|---|---|
| الضآلّين | كآفّة |
| الطآمّة | قل أتحآجّوني |
| الحآقّة | تأمرُوني |
| الحآج | الصآخّة |

Kadar Madnya ialah enam harakat tanpa khilaf ahli Qurra'.

b) **Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf** ( مد لازم كلمي مخفف )

Iaitu dalam satu kalimat terdapat huruf Mad dan selepasnya sukun. Contohnya ada dua tempat saja dalam Surah Yunus ayat 91,51

آلْآنَ وَقَدْ كُنْتُمْ

آلْآنَ وَقَدْ عَصَيْتَ

Dinamakan ( mukhaffaf ) kerana bacaannya tiada unsur tekanan dan tiada idgham semasa madnya . Kadar madnya enam harakat tanpa khilaf ahli Qurra.

c) **Mad Lazim Harfi Muthaqqal** ( مد لازم حرفي مثقل )

Ialah apabila ada huruf di awal surah berupa huruf Mad yang diikuti oleh tashdid seperti ( الٓمّٓ ) mad di sini ada pada Lam berupa Mad Lazim Harf i Muthaqqal , kerana pada Lam inilah ada huruf mad yakni alif yang diikuti oleh tashdid. ال آم

Huruf Laam itu ialah huruf Muthaqqal yang dipanjangkan enam harakat tanpa khilaf, terdapat sepuluh huruf Mad Lazim Harfi Muthaqqal di dalam Al-Quran.

1. Baqarah الٓمّٓ

2. Al ʿImrān الٓمّٓ

3. Al Aʿraf الٓمّٓصٓ

4. Al Raᶜd الٓمٓرٰ

5. Al-ᶜAnkabūt الٓمٓ

6. Al-Rūm الٓمٓ

7. Luqman الٓمٓ

8. Al-Sajdah الٓمٓ

9. Al-Shuᶜarā' طسٓمٓ

10. Al-Qasas طسٓمٓ

Maksud huruf yang perlu dipanjang kepada enam harakat huruf yang terkumpul dalam dua kalimat ( نقص عسلكم ), ( سنقص علمك ) melainkan huruf 'Ain yang dibolehkan Mad dalam kadar enam\empat\dua. Contohnya :

كٓهيعٓصٓ (مريم)

حمٓ عٓسٓقٓ (شورى)

Bacaan 'Ain di sini diharuskan Qasr , tawassut atau Taul.

Cara bacaannya ( نقص عسلكم )

نٓ : نون    ع : عين : خلاف

قٓ : قاف    س : يسٓ

صٓ : صاد    الٓمٓ : لام . ميم

Huruf Laam pula terdapat lima tempat iaitu:

الٓر (يونس)　　　الٓر (يوسف)

الٓر (إبراهيم)　　　الٓر (الحجر)

الٓر (هود)

Huruf-huruf Mad Lazim Harfi terkumpul dalam rangkaikata نقص عسلكم . Kadar Madnya tidak kurang dan tidak lebih daripada enam harakat . Tiada khilaf oleh para Qari . Cara bacaannya pada Mad tersebut tiada unsur-unsur berat seperti sengauan atau ikhfa' dan lain-lain , malah sebutan atau pengujarannya adalah ringan berbeza dengan pengujaran Mad Lazim Harfi muthaqqal.

Adapun Mad Lazim yang terdiri dari salah satu huruf yang terdiri dalam rangkaikata حي طهر .

Kadar bacaannya dua harakat sahaja seperti mana bacaan Mad asli. Di dalam Mashaf Othmani biasanya di tulis tanda ـ yang menunjukkan kadar panjangnya enam harakat sebalik tanda di atas huruf ا tersebut hanya di baca tidak lebih daripada dua harakat contohnya,

حا ، حمٓ　　　ها ، طهٰ

يا ، يسٓ　　　ر : الٓر

ط ، طهٰ




شجرة المدّ